



Title	TNB Annual reports
Call Number	TNB HD 9685 .T46 1993
Accession Number	26653
Barcode	000000028908
Year	1993
Author	Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
Digitized Date	04 March 2016
Remarks	

ACTION WILL BE TAKEN AGAINST ANY  
STAFF WHO UNDERLINES WORDS, MAKES  
NOTES IN THE MARGINS OR DISFIGURES  
OR DAMAGES BOOKS IN ANY WAY.

UNIVERSITI TENAGA  
NASIONAL

RECEIVED  
LIBRARY OF  
IKATAN PENGETAHUAN

**LAPORAN TAHUNAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 OGOS 1991**

**ANNUAL REPORT**  
FOR THE YEAR ENDED 31 AUGUST 1991





## Rasional Logo

### *Imej Baru Untuk Masa Depan Kami Yang Dinamik*

Sejajar dengan perubahan kepada Lembaga Letrik Negara dari sebuah Badan Berkanun kepada badan swasta penting, satu identiti korporat baru diwujudkan.

Logo korporat Tenaga Nasional Berhad (TNB) melambangkan matlamat badan swasta ini yang berterusan untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik dalam memenuhi kehendak negara dengan azam baru berasaskan masa depan yang dinamik.

### SIMBOL

Identiti Korporat TNB berasaskan simbol yang mudah dikenali sebagai penggunaan tenaga elektrik - mentol lampu.

Rekabentuk yang dicipta ini membayangkan nilai-nilai yang bertenaga dan masa depannya. Rekabentuknya ringkas dan berkesan dan hampir keseluruhannya dibentuk dengan satu garisan yang sama. Bentuk kilat dalam mentol pula membawa gambaran jelas fungsi perkhidmatan bekalan elektrik TNB.

Rekabentuk mentol yang berbentuk 'T' membawa pengertian tenaga.

### NAMA KORPORAT

Nama Tenaga Nasional Berhad dengan sendirinya meringkaskan keseluruhan peranan badan swasta ini. Ini digambarkan dalam logo korporat dengan huruf cetak yang jelas dan canggih untuk memaparkan masa depan TNB yang mencabar.

Bentuk huruf-huruf condong yang digunakan untuk merekabentuk namanya mencerminkan peranan TNB yang dinamik dalam kemajuan negara.

Penggunaan huruf cetak yang jelas pula membayangkan sifat kekuahan, keyakinan dan keikhlasan.

### WARNA-WARNA KORPORAT

Warna merah yang bergemerlapan ini yang digunakan dalam logo korporat mengibaratkan tenaga.

Warna berkesan ini juga membawa pengertian yang menarik lagi menyakinkan.

Nama korporat ini pula diberi warna biru tua yang tenang. Ia membawa pengertian kekuatan dan penghormatan. Warna ini memang padan dengan logo berwarna merah. Gabungan warna merah dan biru tua juga melambangkan warna bendera negara kita – paling sesuai untuk satu-satunya perkhidmatan negara yang penting.

## Rationale of Logo

### *A New Image For Our Dynamic Future*

In keeping with the National Electricity Board's transition from a Statutory Body to a privatised company, a significant change of corporate identity has been created.

The corporate logo for Tenaga Nasional Berhad (TNB) symbolises the Company's continuing goal to provide ever better service to the nation's needs with renewed emphasis on our dynamic future.

### SIMBOL

The new corporate identity for TNB is based on an easily recognised application of electricity - the light bulb.

The form of the bulb is highly stylised, giving a sense of vitality and of the future. It is a clean, efficient design, and formed almost entirely by one single line, resolving inside the bulb shape with a lightning symbol, dramatising TNB's electrical energy function.

The shape of the bulb suggests the form of a 'T' — representing "tenaga" (energy).

### CORPORATE NAME

The name Tenaga Nasional Berhad concisely summarises the Company's role. It is depicted in the corporate logo with a clean, sophisticated typeface that projects TNB's exciting future.

The lettering is italicised to represent the dynamic role that TNB will play in the nation's progress.

The typeface is bold, to depict the Company's inherent strength, confidence and reliability.

### CORPORATE COLOURS

The logo symbol is in a brilliant red to symbolise energy.

It is most impactful colour connoting excitement and confidence too.

The corporate title is in a cool, solid blue - giving a sense of corporate strength and dignity, a perfect complement to the red logo. Red and blue together also reflect the colours of the national flag - appropriate for a vital national service.

# Kandungan

## Contents



Misi Korporat .....	2
Corporate Mission .....	3
Notis Mesyuarat Agung Tahunan .....	4
Notice of Annual General Meeting .....	5
Pencapaian Setakat 31 Ogos 1991 .....	7
Performance Highlights As At 31 August 1991 .....	7
Maklumat Korporat .....	8
Corporate Information .....	8
Lembaga Pengarah .....	9
Board of Directors .....	9
Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif .....	10-11
Management Executive Committee .....	10-11
Penyata Pengerusi .....	13-22
Chairman's Statement .....	13-22
Peristiwa Penting Bagi Tahun Berakhir 31 Ogos 1991 .....	24-27
Highlights for the Year Ended 31 August 1991 .....	24-27
Penyata Kewangan .....	29-74
Financial Statement .....	29-75
Suratcara Proksi	
Proxy Form	

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI TENAGA NASIONAL	
NO. PANGGILAN:	
TARIKH TERIMA:	
NO. PEROLEHAN:	26653

# Misi Korporat



Untuk menyediakan satu infrastruktur ekonomi nasional yang penting dengan cara:

- Memenuhi keperluan-keperluan pelanggan untuk bekalan tenaga yang selamat, yang berdaya-harap dan ekonomik secara berterusan
  - Menggalakkan pertumbuhan organisasi-organisasi bisnes yang cekap yang boleh memenuhi keperluan-keperluan industri bekalan tenaga
- disamping memenuhi kehendak-kehendak semua pemegang-pemegang saham.

Untuk mencapai Misi Korporat, TNB telah menetapkan arah serta haluan seperti berikut:-

## **Bentuk Bisnes:**

- Dua kali ganda saiz (permintaan, hasil)
- 20% pengurangan bilangan kakitangan melalui susutan biasa
- Sebanyak mungkin, perkhidmatan-perkhidmatan bantu disediakan oleh pihak-pihak lain dalam sektor swasta

## **Kedudukan Persaingan/Komersial:**

- Diiktiraf melalui kualiti operasinya dan perkhidmatan penggunanya sebagai pembekal yang paling menarik, terjamin dan berdaya-harap yang tinggi di Asia Tenggara

## **Persepsi sebagai Majikan:**

- Majikan yang dihormati
- Suasana sekeliling yang merangsang dan memanfaatkan
- Peluang memberi khidmat kepada negara
- Peluang untuk pembangunan peribadi dan kepuasan kerjaya

## **Persepsi Masyarakat:**

- Keyakinan kepada etika-etika dan nilai-nilai organisasi, dan kepada kewujudan jangka panjangnya
- Berorientasi perkhidmatan yang bernilai tinggi
- Bertanggungjawab ke atas persekitaran
- Pelaburan yang menarik

# **Corporate Mission**



To provide an essential part of the national economic infrastructure by:

- Continuously meeting customers' requirements for energy safely, reliably and economically
- Encouraging the growth of efficient enterprises to service the needs of the energy supply industry

whilst meeting the needs of all shareholders.

In order to achieve the Corporate Mission, TNB has established the following directions:-

## **Shape of the Business:**

- Twice the size (demand, revenue)
- 20% fewer staff through natural attrition
- All possible support services provided by other private sector enterprises

## **Competitive/Commercial Position:**

- Recognised through its quality of operation and customer services as the most attractive, secure and reliable supplier in South-East Asia

## **Perception as an Employer:**

- Prestigious employer
- Stimulating and rewarding environment
- Opportunity to serve the nation
- Opportunity for personal growth and career satisfaction

## **Community Perception:**

- Faith in the organisation's ethics and values and in its long-term existence
- Service oriented providing value for money
- Environmentally responsible
- Attractive investment

# Notis Mesyuarat Agung Tahunan



DENGAN INI DINYATAKAN bahwa MESYUARAT AGUNG TAHUNAN YANG PERTAMA Tenaga Nasional Berhad akan diadakan di Pejabat Berdaftarnya, di No. 129, Jalan Bangsar, Kuala Lumpur pada hari Isnin, 23 Disember 1991, pukul 9.00 pagi untuk tujuan berikut:-

1. Menerima dan meluluskan Laporan Pengarah dan Penyata Kira-Kira bagi tempoh mulai 12 Julai 1990 (tarikh diperbadankan) hingga 31 Ogos 1990 dan Laporan Juruaudit-Juruaudit yang dilampirkan. *(Resolusi 1)*
2. Menerima dan meluluskan Laporan Pengarah dan Penyata Kira-Kira yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Ogos 1991 dan Laporan Juruaudit-Juruaudit yang dilampirkan. *(Resolusi 2)*
3. Meluluskan pengisytiharan dividen yang pertama dan terakhir sebanyak 6% (ditolak 35% cukai) bagi tahun berakhir 31 Ogos 1991. *(Resolusi 3)*
4. Meluluskan pembayaran Elaun dan Imbuhan Pengarah-Pengarah. *(Resolusi 4)*
5. Melantik Pengarah-Pengarah yang bersara menurut Artikel 135, Tataurusan Syarikat seperti berikut:-
  - (a) Dato Chan Keong Hon *(Resolusi 5)*
  - (b) Dato' Megat Abdul Rahman bin Megat Ahmad *(Resolusi 6)*
  - (c) Encik Lau Yin Pin @ Lau Yen Beng *(Resolusi 7)*
  - (d) Dato' Hanifah bin Noordin *(Resolusi 8)*
  - (e) Dato' Dr. Joseph Eravelly *(Resolusi 9)*
6. Melantik semula Price Waterhouse sebagai Juruaudit Syarikat dan memberi kuasa kepada Pengarah-Pengarah untuk menetapkan imbuhan mereka. *(Resolusi 10)*
7. Membincangkan lain-lain perkara lazim yang mana notis yang sepatutnya telah diberikan. *(Resolusi 11)*

Dengan Perintah Lembaga Pengarah

**Dato' Mahmud Badri bin Haji Basir**  
Setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur  
7 Disember 1991

**Nota:**

- (i) Seorang ahli yang berbak menghadiri dan mengundi di dalam mesyuarat ini adalah berbak melantik seorang proksi atau seorang yang telah diberikuasa bagi tujuan tersebut untuk menghadiri dan mengundi bagi pihak dirinya.
- (ii) Surat perlantikan proksi atau seorang yang telah diberikuasa bagi tujuan tersebut hendaklah sampai di Pejabat Berdaftar Syarikat tidak kurang dari dua puluh empat (24) jam sebelum waktu yang ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat.

# Notice Of Annual General Meeting



NOTICE IS HEREBY GIVEN that the FIRST ANNUAL GENERAL MEETING of Tenaga Nasional Berhad will be held at its Registered Office, No. 129, Jalan Bangsar, Kuala Lumpur on 23 December 1991 at 9.00 am for the following purposes:-

1. To receive and adopt the Directors' Report and Accounts for the period from 12 July 1990 (date of incorporation) to 31 August 1990 and the Auditors' Report thereon. *(Resolution 1)*
2. To receive and adopt the Directors' Report and Accounts for the year ended 31 August 1991 and the Auditors' Report thereon. *(Resolution 2)*
3. To approve the declaration of a first and final dividend of 6% (less 35% tax) for the year ended 31 August 1991. *(Resolution 3)*
4. To approve The Directors' Fees and Remuneration. *(Resolution 4)*
5. To elect the following Directors who retire in accordance with Article 135 of the Company's Articles of Association:-
  - (a) Dato Chan Keong Hon *(Resolution 5)*
  - (b) Dato' Megat Abdul Rahman bin Megat Ahmad *(Resolution 6)*
  - (c) Encik Lau Yin Pin @ Lau Yen Beng *(Resolution 7)*
  - (d) Dato' Hanifah bin Noordin *(Resolution 8)*
  - (e) Dato' Dr. Joseph Eravelly *(Resolution 9)*
6. To re-appoint Price Waterhouse as Auditors of the Company and to authorise the Directors to fix their remuneration. *(Resolution 10)*
7. To transact any other ordinary business of the Company for which due notice shall have been given. *(Resolution 11)*

By Order of the Board

**Dato' Mahmud Badri bin Haji Basir**

Company Secretary

Kuala Lumpur  
7 December 1991

**Notes:**

- (i) Any member entitled to attend and vote at this meeting is entitled to appoint a proxy, or by a duly authorised representative for the particular case to attend and vote in his stead.
- (ii) The instrument appointing a proxy, or a representative, shall be deposited at the Registered Office of the Company not less than twenty-four (24) hours before the time fixed for holding the meeting.



# Pencapaian Setakat 31 Ogos 1991

## Performance Highlights As At 31 August 1991



### PENJANAAN/GENERATION

Jumlah keupayaan terpasang (MW) Total installed capacity (MW)	4,919
--	-------

### PENGHANTARAN/TRANSMISSION

Talian Penghantaran T/A dan T/B (litar km) Transmission lines O/H and U/G (circuit km)	
275 kV	3,590.00
132 kV	6,176.90
66 kV	891.40

Keupayaan alatubah pencawang (MVA) Substation transformer capacity (MVA)	
---	--

275 kV	8,170.00
132 kV	10,293.00
66 kV	1,182.50

### JUALAN ELEKTRIK/SALES OF ELECTRICITY

Jumlah unit dijual (GW) Total units sold (GWh)	19,538
Hasil jualan (juta ringgit) Revenue from sales (million ringgit)	3,515.20

### PENGGUNA/CONSUMERS

Jumlah pengguna Total number of consumers	3,103,767
--	-----------

### KAKITANGAN/EMPLOYEES

Jumlah kakitangan Total number of employees	23,065
--	--------

### KEWANGAN/FINANCE

Jumlah pendapatan (juta Ringgit) Total income (million Ringgit)	3,688.30
--	----------

Jumlah perbelanjaan kendalian termasuk susutan (juta Ringgit) Total operating expenses including depreciation (million Ringgit)	2,996.40
--	----------

Keuntungan sebelum cukai (juta Ringgit) Profit before tax (million Ringgit)	691.90
--	--------

Harta tetap (juta Ringgit) Fixed assets (million Ringgit)	12,887.4
--	----------

# Maklumat Korporat

## Corporate Information



### Lembaga Pengarah Board of Directors

Tan Sri Dato' Haji (Dr.) Ani bin Arope  
Pengerusi/*Chairman*

Dato Chan Keong Hon  
Pengarah/*Director*

Dato' Megat Abdul Rahman bin Megat Ahmad  
Pengarah/*Director*

Dato' Helmi bin Mohd. Noor  
Pengarah/*Director*

Dato' N. Sadasivan  
Pengarah/*Director*

Haji Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan  
Pengarah/*Director*

Dato' Hanifah bin Noordin  
Pengarah/*Director*

Lau Yin Pin @ Lau Yen Beng  
Pengarah/*Director*

Dato' Dr. Joseph Eravelly  
Pengarah/*Director*

Dr. Mazlan bin Ahmad  
Pengarah/*Director* (dilantik pada 1 Nov. 1991/  
*appointed on 1 Nov. 1991*)

Dr. Abdul Aziz bin Muhamad  
Pengarah Pengganti kepada/*Alternate Director to*  
Dr. Mazlan bin Ahmad (dilantik pada 1 Nov. 1991/  
*appointed on 1 Nov. 1991*)

Cik Norminshah bt Sabirin  
Pengarah Pengganti kepada/*Alternate Director to*  
Dato' Helmi bin Mohd. Noor (dilantik pada 1 Dis.  
1991/*appointed on 1 Dec. 1991*)

Datuk Haji Ibak bin Abu Hussin  
Pengarah Urusan/*Managing Director* (bersara pada 29  
Okt. 1991/*retired on 29 Oct. 1991*)

Dato' Mohd. Ramli bin Mat Wajib  
Pengarah/*Director* (bersara pada 31 Okt. 1991/*retired  
on 31 Oct. 1991*)

Dato' Haji Anuar bin Haji Abdul Latif  
Pengarah Pengganti kepada/*Alternate Director to*  
Dato' Helmi bin Mohd Noor (bersara pada 30 Nov.  
1991/*retired on 30 Nov. 1991*)

Yahya bin Yaacob  
Pengarah Pengganti kepada/*Alternate Director to*  
Dato' Mohd Ramli bin Mat Wajib (bersara pada 31  
Okt. 1991/*retired on 31 Oct. 1991*)

### Setiausaha Syarikat/*Company Secretary*

Dato' Mahmud Badri bin Haji Basir  
Setiausaha Syarikat/*Company Secretary*

Hajah Azizah bt Osman  
Timbalan Setiausaha Syarikat/*Deputy Company  
Secretary*

### Pejabat Berdaftar/*Registered Office:*

No. 129, Jalan Bangsar,  
Peti Surat 11003,  
50732 Kuala Lumpur.

### Juruaudit/*Auditors:*

Price Waterhouse  
Tingkat 11, Wisma Sime Darby,  
Jalan Raja Laut,  
50706 Kuala Lumpur.

# Lembaga Pengarah

## Board of Directors



Duduk dari kiri ke kanan/*Sitting from left to right:* Dato' Megat Abdul Rahman bin Megat Ahmad, Dato' Mohd. Ramli bin Mat Wajib, Tan Sri Dato' Haji (Dr.) Ani bin Arope, Dato' Helmi bin Mohd. Noor, Datuk Haji Ibak bin Abu Hussin.

Berdiri dari kiri ke kanan/*Standing from left to right:* Dato' Mahmud Badri bin Haji Basir (Setiausaha Syarikat/*Company Secretary*), Lau Yin Pin @ Lau Yen Beng, Dato' Hanifah bin Noordin, Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, Dato' N. Sadasivan, Dato Chan Keong Hon, Dato' Dr. Joseph Eravelly.



## Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif Management Executive Committee

Datuk Haji Ibak bin Abu Hussin  
Pengarah Urusan/*Managing Director*

Dato' Mohd. Ariffin bin Abdul Rahman  
Pengurus Besar (Perkhidmatan Pengguna)/  
*General Manager (Customer Services)*

D. K. Jesuthasan  
Pengurus Besar (Kendalian Bekalan)/  
*General Manager (Supply Operations)*

Tara Singh Gill  
Pengurus Besar (Projek Utama)/  
*General Manager (Major Projects)*

Dato' Mahmud Badri bin Haji Basir  
Pengurus Besar (Perkhidmatan Korporat)/  
*General Manager (Corporate Services)*

Loke Kong Mun  
Pengurus Besar (Kewangan)/  
*General Manager (Finance)*

Kamaluddin bin Haji Ibrahim Ali  
Pengurus Besar (Pengurusan Sumber Manusia)/  
*General Manager (Human Resource Management)*

Wan Hussein bin Wan Endut Al-Haj  
Pengurus Besar (Pembangunan Bisnes)/  
*General Manager (Business Development)*

# Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif

## Management Executive Committee



Duduk dari kiri ke kanan/*Sitting from left to right:* Dato' Mahmud Badri bin Haji Basir, Loke Kong Mun, Tara Singh Gill, Dato' Mohd. Ariffin bin Abdul Rahman, Datuk Haji Ibak bin Abu Hussin, D. K. Jesuthasan, Kamaluddin bin Haji Ibrahim Ali, Wan Hussein bin Wan Endut Al-Haj



# **Penyata Pengerusi**

## **Chairman's Statement**



### **PENDAHULUAN**

Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah diperbadankan pada 12 Julai 1990 di bawah Akta Syarikat 1965, iaitu salah satu daripada langkah perlaksanaan dasar penswastaan kerajaan untuk mengambil alih industri bekalan tenaga elektrik di Semenanjung Malaysia. Pada 1 September 1990, YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad telah dengan rasminya melancarkan Tenaga Nasional Berhad di satu majlis di Kompleks Sukan TNB, Bangsar, Kuala Lumpur.

Pada hari yang sama, TNB mula menjalankan perniagaannya dengan mengambil alih semua operasi, aset dan tanggungan Lembaga Letrik Negara (LLN). Kewujudan LLN selama 41 tahun semenjak mula ditubuhkan dalam tahun 1949 juga telah berjaya memperluaskan rangkaiannya, pemasangan dan kawasan bekalan ke seluruh Semenanjung Malaysia.

TNB bertanggungjawab terhadap penjanaan, penghantaran dan pembahagian tenaga elektrik ke seluruh Semenanjung dan perniagaan tersebut tertakluk kepada peraturan Lesen bagi tempoh selama 21 tahun yang dikeluarkan oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 .

Bagi pihak Lembaga Pengarah, dengan sukacitanya saya membentangkan Laporan Tahunan dan Akaun pertama Syarikat dan Kumpulan bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Ogos 1991.

### **LEMBAGA PENGARAH**

Menteri Kewangan selaku pemegang saham khas TNB telah melantik sebelas orang pengarah yang mewakili sektor-sektor awam dan swasta. Perubahan kepada Lembaga Pengarah adalah seperti berikut:-

- a) Perkhidmatan Datuk Haji Ibak bin Abu Hussin sebagai Pengarah/Pengarah Urusan telah berakhir pada 29 Oktober 1991 berikutan dengan persaraan beliau daripada perkhidmatan TNB;
- b) Perkhidmatan Dato' Haji Anuar bin Haji Abdul Latif sebagai Pengarah Pengganti kepada Dato' Helmi bin Mohd. Noor, berakhir pada 30 November 1991, berikutan dengan persaraan beliau daripada perkhidmatan Kerajaan;

### **INTRODUCTION**

Tenaga Nasional Berhad (TNB) was incorporated on 12 July 1990 under the Companies Act 1965 as part of Government's privatisation policy to take over the electricity business in the Peninsular Malaysia. On 1 September 1990, TNB was officially launched by the Honourable Prime Minister, YAB Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, in a ceremony at the TNB Sports Complex, Bangsar, Kuala Lumpur.

TNB commenced its business on that same day, taking over the operations, assets and liabilities of the National Electricity Board of the States of Malaya (NEB). The NEB had existed for exactly forty-one years since it was first established in 1949 and expanded its network of installations and supply area throughout the Peninsular Malaysia.

TNB is responsible for the generation, transmission and distribution of electricity throughout the Peninsular Malaysia and its core business is regulated by the terms of a Licence given by the Ministry of Energy, Telecommunications and Posts for a period of twenty-one years under the provisions of the Electricity Supply Act, 1990.

On behalf of the Board, it gives me great pleasure to present the first Annual Report and Accounts of the Company and the Group for the year ended 31 August 1991.

### **BOARD OF DIRECTORS**

As the special shareholder of TNB the Minister of Finance appointed eleven directors representing the public and private sectors. The following changes took place in the directorship:

- a) Datuk Haji Ibak bin Abu Hussin ceased to be a Director/Managing Director from 29 October 1991 following his retirement from the service of TNB;
- b) Dato' Haji Anuar bin Haji Abdul Latif ceased to be Alternate Director to Dato' Helmi Mohd. Noor, from 30 November 1991 on his retirement from Government service;



- c) Dato' Mohd. Ramli bin Mat Wajib dan Pengarah Pengganti kepada beliau, Encik Yahya bin Yaacob, telah meletakkan jawatan sebagai Pengarah mulai 31 Oktober 1991 berikutan dengan pertukaran mereka daripada Kementerian Kewangan;
- d) Dr. Mazlan bin Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (I), Kementerian Kewangan, telah dilantik sebagai Pengarah dan Dr. Abd Aziz bin Muhamad, Setiausaha Bahagian Pengurusan Kontrak dan Bekalan, Perbendaharaan, telah dilantik sebagai Pengarah Pengganti mulai daripada 1 November 1991;
- e) Cik Norminshah bt. Sabirin, Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, telah dilantik sebagai Pengarah Pengganti kepada Dato' Helmi bin Mohd. Noor mulai 1 Disember 1991.

## ORGANISASI DAN STRUKTUR

TNB telah mengambil langkah menyusun semula struktur pengurusannya dalam bulan November 1990 iaitu dengan membahagikan aktiviti-aktivitinya kepada tujuh bahagian. Struktur tersebut mencerminkan fungsi-fungsi asas dengan mengambil kira keperluan untuk perkhidmatan pengguna, pemasaran dan perancangan, penjanaan dan penghantaran kuasa dan seterusnya mengagihkan bekalan kepada pengguna. Fungsi-fungsi tersebut seterusnya disokong oleh sumber manusia, projek utama, kewangan dan lain-lain perkhidmatan sokongan. Penyusunan semula tersebut juga bertujuan untuk menukar proses membuat keputusan dan akauntabiliti. TNB meneruskan usaha-usaha untuk meneroka dan menilai peluang bagi pembentukan unit perniagaan yang berasingan berasaskan keuntungan dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan perniagaan asasnya.

- c) Dato' Mohd. Ramli bin Mat Wajib and his Alternate, Encik Yahya bin Yaacob ceased to be a Director from 31 October 1991 following their transfers from the Ministry of Finance;
- d) Dr. Mazlan bin Ahmad, Deputy Secretary General of the Treasury (I), Ministry of Finance, was appointed as Director from 1 November 1991, with Dr. Abd. Aziz bin Muhamad, the Secretary of the Contracts and Supply Management Division of the Treasury, as his Alternate;
- e) Cik Norminshah bt. Sabirin, Deputy Secretary General of the Ministry of Energy, Telecommunications and Posts, was appointed as Alternate Director to Dato' Helmi bin Mohd. Noor from 1 December 1991.

## ORGANISATION AND STRUCTURE

TNB embarked upon reorganisation of its management structure in November 1990 by first dividing its activities into seven divisions. The structure reflects closely the core functions, recognising the need to address customer wants and needs, marketing and planning, generating and transmitting power and finally distributing supply to the customer. These functions are in turn supported by human resource, major projects, finance and other support services. The reorganisation is also aimed at devolving decision making and accountability. The company is exploring and evaluating opportunities for establishing separate business units for profit growth in areas related to its core business.

## Upacara pelancaran rasmi Tenaga Nasional Berhad

*The official launching of Tenaga Nasional Berhad*



▲ Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri sedang merasmikan pelancaran TNB.  
*Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, the Prime Minister, officiating the launching of TNB.*

▼ Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad menandatangani Buku Pelawat.  
*Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad signing the Visitors' Book.*



▲ Tetamu jemputan di upacara pelancaran TNB.  
*The invited guests at the launching ceremony of TNB.*

## Perkhidmatan Pengguna: Kemudahan yang disediakan

### *Customer Service: Provision of facilities*




▼ Kaunter Pandu Masuk di Pejabat Kota Bharu.  
*Drive-in Counter at Kota Bharu Office.*



Sistem menunggu otomatis di Kaunter Pengguna, Kuala Lumpur (Selatan).

*Automatic queuing system at the Customer Counter, Kuala Lumpur (South).*



▲ Kaunter Pengguna di Pejabat Ipoh.  
*Customer Counter at Ipoh Office.*



## PRESTASI KEWANGAN

Dalam tahun operasinya yang pertama, TNB telah mencatat hasil jualan yang berjumlah sebanyak \$3,688.30 juta dengan keuntungan kasar sebelum cukai sebanyak \$691.90 juta. Sejumlah \$194.80 juta telah diperuntukkan bagi pembayaran cukai. Memandangkan kos minyak bahan api yang lebih tinggi dalam enam bulan pertama tahun kewangan ini, jumlah keuntungan yang diperolehi tersebut adalah memuaskan.

Dengan pengurusan kewangan yang cekap, TNB telah berupaya menggunakan sumber wang dalaman sebanyak \$977.60 juta untuk membayai 40 peratus daripada sumber kewangan untuk membayai projek modalnya, sementara bakinya dibayai oleh sumber-sumber kewangan luar.

## PENCAPAIAN OPERASI KESELURUHAN

Jumlah jualan elektrik bagi tahun yang dilaporkan ialah 19,538 GWj yang bernilai sebanyak \$3,515.21 juta. Sektor perindustrian terus merupakan pengguna terbesar iaitu 39.11 peratus dengan jumlah jualan sebanyak 9,766 GWj diikuti dengan sektor perdagangan sebanyak 36.58 peratus iaitu sebanyak 5,592 GWj. Kedudukan jualan yang teguh dan mantap kepada kedua-dua sektor tersebut membolehkan TNB mengurangkan kesan buruk akibat Krisis Teluk pada tahun lepas.

Pada tahun kewangan ini, TNB telah membelanjakan sebanyak \$436.10 juta bagi projek mempertingkatkan sistem dan mutu bekalan tenaga elektrik ke seluruh Semenanjung.

Sebagai meneruskan usaha memenuhi keperluan pengguna bagi mendapat bekalan elektrik yang terjamin dan selamat, Pusat Pengurusan Bekalan telah ditubuhkan yang bertujuan untuk mempercepatkan perkhidmatan pengguna. Bagi memberi perkhidmatan yang lebih baik, semua kakitangan barisan hadapan diberi kursus dan latihan mengenai perkhidmatan pengguna berkualiti bagi menanamkan dalam fikiran mereka sikap bersedia dan terbuka kepada pengguna.

## FINANCIAL PERFORMANCE

In its first year of operation, the total business revenue amounted to \$3,688.30 million, and the net profit for the company, before taxation is \$691.90 million. A provision of \$194.80 million has been allowed for taxation. The results can be regarded as satisfactory taking into account the higher fuel costs in the first six months of the financial year.

With prudent financial management, the company managed to utilise its internal cash generation amounting to \$977.60 million to finance 40 per cent of its total expenditure on capital projects, the remainder being financed from external sources.

## OVERALL OPERATIONAL ACHIEVEMENT

The sales of electricity for the year under review totalled 19,538 GWh, which earned \$3,515.21 million. The industrial sector accounted for 39.11 per cent with 9,766 GWh, followed closely by the commercial sector at 36.58 per cent with 5,592 GWh. The continued and steady demand by these two sectors enabled the company to offset the effects of the Gulf Crisis.

The company spent a total of \$436.10 million for the supply and system improvement throughout the Peninsula, with a host of other projects under implementation.

In continuously meeting customers' requirements for reliable and safe energy supply, Supply Management Centres have been established, to speed up the servicing of the customers' overall needs. Towards providing a better service, the frontliners in the TNB offices have been trained for customer quality service, instilling in them the ready response to customers' anticipation.



## PANDANGAN MASA HADAPAN

Sejajar dengan pertumbuhan ekonomi negara yang pesat, permintaan beban tenaga elektrik dijangka meningkat pada kadar purata 11.91 peratus setahun bagi tempoh 1990-1995 dan 9.35 peratus setahun untuk tempoh 1995-2000. Berlandaskan kepada prospek tersebut, permintaan beban puncak dijangka melebihi 5,000 MW dalam tahun 1993 berbanding dengan 3,990 MW pada tahun 1991 dan diramalkan akan bertambah dua kali ganda menjadi 10,000 MW dalam tahun 2000. Adalah dijangkakan TNB dapat menyeimbangkan sumbangannya dengan aspirasi negara ke arah mencapai taraf negara maju seperti yang diramalkan dalam Wawasan 2020.

TNB telah meneruskan dasar-dasar kos terendah dan mempelbagaikan sumber tenaga dengan memberi penekanan yang lebih kepada penggunaan arangbatu dan gas asli iaitu selaras dengan dasar empat-sumber bahanapi. Dengan cara ini, dapatlah dikurangkan pergantungan kepada minyak bahanapi yang harganya sentiasa tidak stabil.

Projek pemulihan dan penukaran juga dilaksanakan di stesen-stesen janaelektrik dan kajian-kajian terperinci juga terus dijalankan termasuk keperluan membina keupayaan penjanaan terbaru. Menjelang tahun 1995, apabila siapnya projek Penggunaan Gas Semenanjung Malaysia Fasa II (PGU II), penjanaan tenaga elektrik dengan menggunakan gas asli adalah dianggarkan mencapai 74.20 peratus.

Dalam tahun ini, bagi memperkuuhkan lagi Sistem Grid Nasional, TNB telah melaksanakan beberapa projek di samping mengenal pasti beberapa projek baru di kawasan strategik tertentu. Usaha diteruskan bagi pembentukan rangkaian tenaga ASEAN dengan melaksanakan kajian secara berterusan bagi meningkatkan pertukaran tenaga dan kerjasama dengan Electricity Generating Authority of Thailand (EGAT) dan Public Utilities Board of Singapore (PUB).

## LOOKING TO THE FUTURE

With the country's economy growing rapidly, the demand for electricity is expected to increase at the rate of 11.91 per cent annually for the period 1990-1995 and 9.35 per cent annually for the period 1995-2000. Based on that prospect, the National Grid System peak demand is expected to exceed 5,000 MW in 1993 from its present peak demand of 3,990 MW and doubled itself to 10,000 MW in the year 2000. It is expected that TNB will be in consonance with the nation's aspiration of achieving the industrially developed status, as projected in the Vision 2020.

TNB will continue to pursue the least - cost and diversification policies in planning for generation plants with the emphasis on natural gas utilisation in line with the four-fuel strategy. Reducing the dependence on fuel oil, which is prone to price fluctuation, greater use of natural gas and coal is to be made for electricity generation.

Besides implementation of rehabilitating and converting existing plants in power stations, studies are also being carried out for new generation capacities. By the year 1995, with the completion of the Peninsular Gas Utilisation Phase II (PGU II) project, TNB's generating capacity using natural gas is expected to be 74.20 per cent.

Several projects are being implemented to further strengthen the National Grid, besides identifying new projects in selected strategic areas. Efforts are being continued on the establishment of an ASEAN power grid, with ongoing studies for increased energy exchange and cooperation with Electricity Generating Authority of Thailand (EGAT) and the Public Utilities Board of Singapore (PUB).

## Penjanaan: mempelbagaikan sumber bahanapi

*Generation: fuel diversification*



Bakaran Minyak - Stesen Janaelektrik Sultan Iskandar, Pasir Gudang.  
*Oil-Fired - Sultan Iskandar Power Station, Pasir Gudang.*



▼ Gas/Kitar Padu - Stesen Janaelektrik Sultan Ismail, Paka.  
*Gas/Combined Cycle - Sultan Ismail Power Station, Paka.*



▼ Hidro - Stesen Janaelektrik Sultan Mahmud, Kenyir.  
*Hydro - Sultan Mahmud Power Station, Kenyir.*



▲ Arang batu, Minyak dan Gas - Stesen Janaelektrik Sultan Salahuddin Abdul Aziz, Kapar.  
*Coal, Oil and Gas - Sultan Salahuddin Abdul Aziz Power Station, Kapar.*


## Kakitangan sedang bertugas

**Men at work**



Pemeriksaan turbin air.  
*Inspection of water turbine.*

▼ Senggaraan lampu jalan.  
*Streetlighting maintenance.*





## KAKITANGAN

Saya berpuas hati dengan kakitangan dari semua peringkat yang telah menerima dengan cara yang positif, semua cabaran yang dihadapi demi masa depan syarikat. TNB terus memberi bimbingan kepada kakitangan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan budaya yang diperlukan dan membantu mereka memahami keperluan syarikat dan suasana perniagaan yang akan dihadapi nanti.

## PENYENARAIAN SAHAM

TNB telah melantik Commerce International Merchant Bankers (CIMB) untuk memberi nasihat berhubung dengan penswastaan dan penyenaraian saham TNB di Bursa Saham Kuala Lumpur. Penelitian sedang dibuat terhadap cadangan-cadangan yang diperakukan oleh CIMB untuk dikemukakan kepada pihak-pihak berkuasa tertentu.

## TANGGUNGJAWAB SOSIAL

Dalam melaksanakan fungsi asasnya, TNB meneruskan usaha untuk menyeimbangkan objektif korporat dengan tanggungjawab sosialnya. Sehubungan dengan ini, TNB telah meneruskan usaha melaksanakan projek bekalan elektrik luar bandar dan pencapaian sehingga sekarang adalah 91 peratus. Adalah dijangkakan bekalan akan dapat diberi kepada 95 peratus daripada kampung di seluruh Semenanjung pada tahun 1995.

Dalam melaksanakan projeknya, TNB juga mengambil berat kesan projek TNB ke atas alam sekitar. Tahap pencemaran alam sekitar di stesen-stesen janaelektrik sentiasa dikawal dan diawasi dengan rapi. TNB juga terus memupuk perhubungan yang rapat dengan badan-badan kawalselia dan pihak berkuasa alam sekitar tertentu.

## STAFF

I am happy to say that the staff from all levels have responded positively to the challenges placed before them which augurs well for the future of the company. TNB continues to assist the staff to adjust to the change in culture required on corporatisation and to develop an understanding of the company and the commercial environment in which it has come to operate.

## FLOTATION OF SHARES

TNB appointed Commerce International Merchant Bankers (CIMB) to advise TNB for the privatisation and flotation of its shares in the Kuala Lumpur Stock Exchange. The company is studying various options contained in the recommendation of CIMB for consideration of the relevant authorities.

## SOCIAL RESPONSIBILITY

In carrying out its core business, TNB is constantly taking steps to harmonise its corporate objectives with its social obligations. In this connection, the company continued the policy of implementing the rural electrification projects, which up to now has recorded 91 per cent achievement. By the year 1995, it is expected that 95 per cent of the villages throughout the Peninsula will be given supply.

The company pays greater care and attention to the impact of its projects on environment. The level of environmental pollution at power stations are closely monitored regularly and minimised. In this aspect, TNB maintains a close and regular liaison with regulatory bodies and environmental authorities.



## PENGHARGAAN


Dalam tahun pertama operasinya, TNB yang sedang membuat persiapan menghadapi penswastaan dan penyenaraian sahamnya, telah mencapai kejayaan yang boleh dibanggakan. Bagi menghadapi masa depan, matlamat-matlamat telah ditetapkan dan rancangan telah dibuat bagi pelaksanaannya. TNB telah membuat permulaan dengan penuh keyakinan dan berhasrat untuk menjadi satu badan korporat yang paling besar nanti. Dengan sokongan pelaburan pihak awam, TNB akan terus menjadi sebuah syarikat yang berjaya dan semua pemegang saham, pengguna dan kakitangan akan bersama-sama menikmati hasilnya.

TNB mewarisi daripada LLN hampir semua pengurusan dan kakitangannya yang terlatih dan berpengalaman dan dengan itu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada mereka bagi usaha gigih dan kerjasama yang diberikan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan yang telah bersara atas dedikasi dan kesetiaan mereka semasa berkhidmat, termasuklah kepada LLN.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang telah memberi kepercayaan melantik saya sebagai Pengerusi pertama Lembaga Pengarah TNB.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Pengarah yang telah bersara atau meletakkan jawatan, atas sumbangan yang tidak ternilai dan kerjasama mereka semasa berkhidmat.

Akhir sekali, saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada semua pengguna, pembekal dan kontraktor yang terus memberi sokongan dan kerjasama yang berterusan demi kejayaan TNB pada masa depan.

  
**Tan Sri Dato' Haji (Dr.) Ani bin Arope**  
PENGERUSI

6 Disember 1991

## APPRECIATION


TNB has achieved much in the first year of operation, whilst waiting for privatisation and flotation of its shares. For the future, we have defined our goals and devised plans to implement them. The company has made a determined start and intends to secure its position as the corporate leader in due course. With the support of the investing public, we can continue to build a prosperous company in which our shareholders, customers and staff can share the rewards.

The company inherited from NEB almost all its well-trained and highly experienced management and staff. I would like to record our thanks for their hard work and cooperation. In addition, I also like to thank all those staff who had retired from the TNB service for their dedication and loyalty during their service, including the NEB.

I would like to thank the Government for the confidence it has placed on me in appointing me as the first Chairman of the Board of Directors.


On behalf of the Board of Directors, I would like to thank the Directors who have retired or resigned for their valuable contribution and cooperation during their term.

Last but not least, I would like to take this opportunity to thank our valued customers, suppliers and contractors for their contribution and continued support for the success of TNB in the years ahead.

  
**Tan Sri Dato' Haji (Dr.) Ani bin Arope**  
CHAIRMAN

6 December 1991

1991 trupca 15. bahan wet not striping



Satu daripada air terjun di Tasik Kenyir – Stesen Janaelektrik Hidro.  
*One of the many waterfalls at Lake Kenyir – Hydroelectric Power Station.*

# Peristiwa Penting Bagi Tahun Berakhir 31 Ogos 1991

## Highlights for the Year Ended 31 August 1991



### 1 September 1990

Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri, melancarkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Kompleks Sukan TNB, Bangsar, Kuala Lumpur.

### 1 September 1990

Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, the Prime Minister, launches Tenaga Nasional Berhad (TNB) at the TNB Sports Complex, Bangsar, Kuala Lumpur.



### 9 Oktober 1990

Dato' Seri S. Samy Vellu, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, menyerahkan lesen untuk TNB kepada Pengurus, Dato' Haji (Dr.) Ani bin Arope.

### 9 October 1990

Dato' Seri S. Samy Vellu, the Minister of Energy, Telecommunications and Posts, hands over the Licence for TNB to the Chairman, Dato' Haji (Dr.) Ani bin Arope.

### 6 September 1990

DYMM Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong Sultan Azlan Shah berkenan berangkat ke kem Sukan Asia bertempat di Institut Latihan Sultan Ahmad Shah (ILSAS) di Bangi.

### 6 September 1990

Royal visit of DYMM Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong Sultan Azlan Shah to the Asian Games camp at Sultan Ahmad Shah Training Institute (ILSAS) in Bangi.



### 13 Januari 1991

Datuk Haji Ibak bin Abu Hussin, Pengarah Urusan menyampaikan sekeping cek bernilai M\$6 juta kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur untuk papan pamer video matrix di Dataran Merdeka.

### 13 January 1991

Datuk Haji Ibak bin Abu Hussin, the Managing Director, presents a cheque for M\$6 million to Datuk Bandar Kuala Lumpur for the video matrix display board at Dataran Merdeka.




## 28 Januari 1991

TNB menjadi tuan rumah bagi sukan tahunan dengan Combined Electricity Generating Authority of Thailand (CEAT) yang berlangsung di Kuala Lumpur.

### 28 January 1991

TNB hosts the annual games with Combined Electricity Generating Authority of Thailand (CEAT) held at Kuala Lumpur.



## 19 Mei 1991

Menyertai pameran *Asia Elemex Power Tech 1991* di Pusat Dagangan Dunia Putra.

### 19 May 1991


Participating in the *Asia Elemex Power Tech 1991* exhibition held at the Putra World Trade Centre.

## 18 Februari 1991

Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri, melawat Tasik Kenyir.

### 18 February 1991

Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, the Prime Minister, visits the Lake Kenyir.



## 25 Mei 1991

Seminar mengenai *Public Preference Towards TNB Power Systems* di Kuala Lumpur.

### 25 May 1991

A seminar on Public Preference Towards TNB Power Systems in Kuala Lumpur.



### 29 Jun 1991

Upacara penyampaian Hadiah Perkhidmatan Setia.

### 29 June 1991

Long Service Awards presentation ceremony.

### 31 Mei 1991

Upacara menandatangani perjanjian pinjaman bersindiket bernilai M\$960.70 juta untuk membeli tujuh buah turbin gas.

### 31 May 1991

Signing of a syndicated loan agreement for M\$960.70 million for the purchase of seven gas turbines.



### 12 Julai 1991

Upacara menandatangani perjanjian pinjaman dengan J. Henry Schroders Wagg and Co. Ltd. dan perjanjian kontrak dengan Kerjaya Balfour Beatty Cementation Sdn. Bhd. bagi projek Hidroelektrik Pergau.

### 12 July 1991

Signing of a loan agreement with J. Henry Schroders Wagg and Co. Ltd. and a contract agreement with Kerjaya Balfour Beatty Cementation Sdn. Bhd. for the Pergau Hydroelectric project.

### 11 Julai 1991

Satu taklimat kepada Eksekutif Kanan dan Pengurusan mengenai perlantikan Commercial International Merchant Bankers Bhd. sebagai penasihat bagi penyeraaan saham.

### 11 July 1991

A briefing to Senior and Management Executives following the appointment of Commercial International Merchant Bankers Bhd. as adviser for share flotation exercise.





### 29 Julai – 2 Ogos 1991

Menjadi tuan rumah bengkel wilayah UNDP/ESCAP mengenai *Economic Load Despatch and Demand Management in Electric Power System Management*.

### 29 July – 2 August 1991

Hosting the UNDP/ESCAP regional workshop on Economic Load Despatch and Demand Management in Electric Power System Management.



### 31 Ogos 1991

Menyertai perayaan Hari Kebangsaan.

### 31 August 1991

Participating in the National Day celebrations.

### 25 Julai 1991

Perlancaran Sispukom, sistem perpustakaan berkomputer di Ibu Pejabat TNB.

### 25 July 1991

Launching of Sispukom, a computerised library system at TNB Head Office.



### 5 Ogos – 12 Ogos 1991

Deligasi dari JEPICC-ICC membuat lawatan sambil belajar ke Stesen Janaelektrik Sultan Salahuddin Abdul Aziz, Kapar.

### 5 August – 12 August 1991

Japanese delegation from JEPICC-ICC makes a study visit to Sultan Salahuddin Abdul Aziz Power Station, Kapar.




## Ibu Pejabat dan Pusat Kawalan Muatan Kuasa Nasional

### *Head Office and National Load Despatch Centre*



Bangunan Ibu Pejabat TNB dihias dengan lampu semasa sambutan Hari Kebangsaan.

*The TNB Head Office Building being lighted up during National Day celebrations.*



▲ Bilik Kawalan dalam Pusat Kawalan Muatan Kuasa Nasional.  
*Control Room in the National Load Despatch Centre.*



▲ Bangunan Ibu Pejabat TNB hari ini.  
*The TNB Head Office Building today.*



## **Penyata Kewangan**

### **Financial Statement**

# Laporan Pengarah



Pengarah-Pengarah dengan sukacitanya mengemukakan laporan mereka berserta dengan akaun-akaun Kumpulan dan Syarikat yang diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 1991.

## PERLETAKAN HAK PERNIAGAAN

Syarikat mula beroperasi pada 1 September 1990 apabila ia mengambilalih segala perniagaan, hak, aset dan tanggungan Lembaga Letrik Negara (LLN) dengan kuasa yang diberi oleh Akta Belahan Elektrik (Syarikat Pengganii), 1990. Aset bersih LLN yang diambilalih pada 1 September 1990 berjumlah M\$5,604.9 juta.

## AKTIVITI UTAMA

Syarikat telah menularkan operasinya pada 1 September 1990 selaras dengan lesen yang dikeluarkan oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Aktiviti utama syarikat ialah penjanaan, penghantaran, pembahagian dan jualan elektrik.

Aktiviti utama syarikat subsidiari ialah pengeluaran, penjualan serta pemberian alatubah-alatubah dan perkakasuis.

Dari segi aktiviti-aktiviti utama Kumpulan dan Syarikat, tiada perubahan penting berlaku di dalam tahun kewangan yang dilaporkan.

## NATIJAH KEWANGAN


	Kumpulan M\$juta	Syarikat M\$juta
Keuntungan selepas cukai	503.4	497.1
Kepentingan Minoriti	(1.9)	-
Keuntungan kepunyaan pemegang saham	501.5	497.1
Dividen akhir dicadangkan – 6 sen kasar setiap saham, ditolak cukai	(35.2)	(35.2)
Keuntungan tersimpan bagi tahun	466.3	461.9

## DIVIDEN

Syarikat tiada membayar apa-apa dividen sejak 31 Ogos 1990.

Lembaga Pengarah mencadangkan pembayaran dividen akhir sebanyak 6 sen kasar setiap saham, ditolak cukai, berjumlah M\$35.2 juta.

# Directors' Report



The Directors have pleasure in submitting their report together with the audited accounts of the Group and of the Company for the financial year ended 31 August 1991.

## VESTING OF BUSINESS

The Company commenced operations on 1 September 1990 when it took over the business, rights, assets and liabilities of Lembaga Letrik Negara (LLN) by virtue of the Electricity Supply (Successor Company) Act, 1990. The net assets of LLN that were taken over at 1 September 1990 amounted to M\$5,604.9 million.

## PRINCIPAL ACTIVITIES

The Company commenced operations with effect from 1 September 1990 and operates pursuant to a licence issued by the Ministry of Energy, Telecommunications and Posts.

The principal activities of the Company are the generation, transmission, distribution and sales of electricity.

The principal activities of its subsidiary company are the manufacture, sale and repair of transformers and switchgears.

There have been no significant changes in the principal activities of the Group and the Company during the financial year.

## FINANCIAL RESULTS

	Group M\$million	Company M\$million
Profit after taxation	503.4	497.1
Minority interest	(1.9)	—
Profit attributable to shareholders	501.5	497.1
Proposed final dividend – 6 sen gross per share, less income tax	(35.2)	(35.2)
Retained profit for the year	466.3	461.9

## DIVIDENDS

No dividends have been paid by the Company since 31 August 1990.

The Directors recommend payment of a final dividend of 6 sen gross per share, less income tax, amounting to M\$35.2 million.



## RIZAB DAN PERUNTUKAN

Dalam tahun kewangan berkenaan tiada terdapat pindahan yang ketara kepada atau daripada rizab atau peruntukan kecuali seperihalnya tercatut di dalam nota 20 kepada akaun.

## PENERBITAN SAHAM

Dengan kuasa Akta Elektran Elektrik (Syarikat Pengganti), 1990, Syarikat mengeluarkan 1 saham Keutamaan Berhak Istimewa Boleh Tulus bernilai M\$1 tiap satu kepada Kerajaan Malaysia pada 1 September 1990 dibayar dengan tunai dan pada 7 November, 1990, Syarikat telah mengeluarkan 902,700,099 saham biasa bernilai M\$1 tiap satu bagi perlentakan hak kepada Syarikat, segala perniagaan, hak, aset dan tanggungan LLN.

## LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah yang telah memegang jawatan di dalam tempoh semenjak tarikh laporan lepas ialah:

Tan Sri Dato' Haji (Dr.) Ani bin Arope  
Dato Chan Keong Hon  
Dato' Megat Abdul Rahman bin Megat Ahmad  
Dato' Helmi bin Mohd. Noor  
Dato' Nelayander Sadasivan  
Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan  
Dato' Hanifah bin Noordin  
Encik Lau Yin Pin @ Lau Yen Beng  
Dato' Dr. Joseph Eravelly  
Dr. Mazlan bin Ahmad (dilantik pada 1 November 1991)  
Dr. Abdul Aziz bin Muhamad (dilantik pada 1 November 1991)  
(ahli pengganti kepada Dr. Mazlan bin Ahmad)  
Cik Norminshah bt Sabirin (dilantik pada 1 December 1991)  
(ahli pengganti kepada Dato' Helmi bin Mohd. Noor)  
Datuk Haji Ibak bin Abu Hussin (bersara pada 29 Oktober 1991)  
Dato' Mohd. Ramli bin Mat Wajib (bersara pada 31 Oktober 1991)  
Dato' Haji Anuar bin Haji Abdul Latif (bersara pada 30 November 1991)  
(ahli pengganti kepada Dato' Helmi bin Mohd. Noor)  
Encik Yahya bin Yaacob (bersara pada 31 Oktober 1991)  
(ahli pengganti kepada Dato' Mohd. Ramli bin Mat Wajib)

Syarikat mempunyai kredit cukai yang mencukupi di bawah Seksyen 108(6) untuk membayar dividen sebanyak M\$326.5 juta daripada rizab yang boleh diagih. Syarikat sedang membuat rayuan supaya mendapat kebenaran untuk kredit-kredit cukai LLN di bawah Seksyen 108(6) dibawa ke hadapan untuk kegunaan Syarikat. Jikalau permintaan ini berjaya, Syarikat boleh membayar dividen yang dianggarkan sebanyak M\$3,888.5 juta daripada rizab yang boleh diagih.

## 21 PERJANJIAN UNTUK PERBELANJAAN MODAL

	<b>Kumpulan</b>		<b>Syarikat</b>	
	<b>1991</b>	<b>1991</b>	<b>1990</b>	
Dikontrakkan tetapi belum di ambilkira di dalam akaun	2,691.8	2,691.4	—	
Diluluskan tetapi belum dikontrakkan	10,804.8	10,798.8	—	
	13,496.6	13,490.2	—	



All amounts are in M\$million unless otherwise stated

## 20 RESERVES

	Distributable		Non-distributable		Total
	Retained profit	Revaluation reserve	Capital reserve on consolidation		
<b>Group</b>					
Arising on the vesting of the business of LLN	4,509.5	192.6	0.1	4,702.2	
Transfers on disposal of revalued assets	0.1	(0.1)	–	–	
Retained profit for the year	466.3	–	–	466.3	
As at 31 August 1991	<u>4,975.9</u>	<u>192.5</u>	<u>0.1</u>	<u>5,168.5</u>	
<b>Company</b>					
As at 1 September 1990	–	–	–	–	
Arising on the vesting of the business of LLN	4,505.6	186.7	–	4,692.3	
Transfers on disposal of revalued assets	0.1	(0.1)	–	–	
Retained profit for the year	461.9	–	–	461.9	
As at 31 August 1991	<u>4,967.6</u>	<u>186.6</u>	<u>–</u>	<u>5,154.2</u>	

The Company has sufficient tax credits under Section 108(6) available to frank approximately M\$326.5 million of its distributable reserves if paid out as dividends. The Company is appealing for LLN tax credits under Section 108(6) to be available for carry forward to the Company. If the Company's application is successful, the Company can frank approximately M\$3,888.5million of its distributable reserves if paid out as dividends.

## 21 COMMITMENTS FOR CAPITAL EXPENDITURE

	Group	Company	
	1991	1991	1990
Contracted but not provided for in the accounts	2,691.8	2,691.4	–
Authorised but not contracted for	10,804.8	10,798.8	–
	<u>13,496.6</u>	<u>13,490.2</u>	<u>–</u>



Jumlah tercatat dalam M\$juta kecuali dinyatakan sebaliknya

**22 TANGGUNGAN LUARJANGKA (TIDAK BERCAGAR)**

	Kumpulan	Syarikat	
	1991	1991	1990
Jaminan keatas pinjaman-pinjaman anak syarikat	—	0.5	—
Tuntutan oleh pihak ketiga	23.3	23.3	—
	<hr/> <b>23.8</b>	<hr/> <b>24.3</b>	<hr/> <b>—</b>

Termasuk di dalam tuntutan oleh pihak ketiga ialah tuntutan oleh kontraktor dan perunding-perunding, tuntutan pengguna akibat dari gangguan perniagaan dan tuntutan oleh bekas pelajar.

**23 URUSAN UTAMA DENGAN SYARIKAT SUBSIDIARI**

	Syarikat	
	Tahun berakhir 31.8.1991	12.7.1990 hingga 31.8.1990
Belian daripada syarikat subsidiari	43.5	—



All amounts are in M\$million unless otherwise stated

## 22 CONTINGENT LIABILITIES (UNSECURED)

	Group	Company	
	1991	1991	1990
Guarantee on the borrowings of the subsidiary company	–	0.5	–
Claims made by third parties	23.8	23.8	–
	<u>23.8</u>	<u>24.3</u>	<u>–</u>

Claims made by third parties include claims by contractors and consultants, consumer claims for business interruptions and claims by former employees.

## 23 SIGNIFICANT TRANSACTIONS WITH SUBSIDIARY COMPANY

	Company		
	Year ended	12.7.1990 to 31.8.1991	31.8.1990
	31.8.1991	31.8.1990	
Purchases from subsidiary company	43.5	–	–

# Kenyataan Oleh Pengarah



Kami, Tan Sri Dato' Haji (Dr.) Ani bin Aroke dan Dato Chan Keong Hon, sebagai dua diantara Pengarah-Pengarah Tenaga Nasional Berhad, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Pengarah Pengarah, akaun yang dibentangkan di muka surat 33 hingga 70 telah disusun supaya menunjukkan satu kenyataan yang benar dan caksama mengenai kedudukan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Ogos 1991 dan natijah Kumpulan dan Syarikat dan sumber dan penggunaan dana bagi Kumpulan untuk tahun yang berakhir pada tarikh yang sama.

Bagi pihak Lembaga Pengarah

Tan Sri Dato' Haji (Dr.) Ani bin Aroke  
Pengerusi

Dato Chan Keong Hon  
Pengarah

Kuala Lumpur  
6 Disember 1991

## AKUAN BERKANUN

Saya, Loke Kong Mun, pegawai terutama yang bertanggungjawab untuk pengurusan kewangan Tenaga Nasional Berhad, dengan ini mengaltru dengan benar dan ilhlas bahawa akaun yang dibentangkan di muka surat 33 hingga 70 adalah, pada pendapat saya betul, dan saya membuat pengakuan benar ini sesungguhnya dengan penuh kepercayaan yang sama adalah benar, dan dengan kuasa peruntukan-peruntukan Akta Pengakuan Berkunun, 1960.

Loke Kong Mun

Diturunkan dan dialui benar oleh penama diatas, Loke Kong Mun pada 6 Disember 1991 di Kuala Lumpur di hadapan saya.

72 |  
K. Arumainathan, AMN  
No. 414  
Pesuruhjaya Sumpah Mahkamah Tinggi  
Kuala Lumpur

# **Statement By Directors**



We, Tan Sri Dato' Haji (Dr.) Ani bin Arope and Dato Chan Keong Hon, two of the Directors of Tenaga Nasional Berhad, do hereby state that, in the opinion of the Directors, the accounts set out on pages 39 to 71 are drawn up so as to give a true and fair view of the state of affairs of the Group and of the Company as at 31 August 1991 and of the results of the Group and of the Company and the source and application of funds of the Group for the year then ended.

On behalf of the Board

**Tan Sri Dato' Haji (Dr.) Ani bin Arope**  
*Chairman*

**Dato Chan Keong Hon**  
*Director*

Kuala Lumpur  
6 December 1991

## **STATUTORY DECLARATION**

I, Loke Kong Mun, the person primarily responsible for the financial management of Tenaga Nasional Berhad, do solemnly and sincerely declare that the accounts set out on pages 39 to 71 are in my opinion correct, and I make this solemn declaration conscientiously believing the same to be true, and by virtue of the provisions of the Statutory Declarations Act, 1960.

**Loke Kong Mun**

Subscribed and solemnly declared by the abovenamed Loke Kong Mun at Kuala Lumpur on 6 December 1991, before me.

K. Arumainathan, AMN  
No. 414  
Commissioner For Oaths  
Kuala Lumpur High Court

# Laporan Juruaudit Kepada Ahli-Ahli Tenaga Nasional Berhad



Kami telah memeriksa akaun-akaun yang dibentangkan pada mulai surat 33 hingga 70 mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan.

Pada pendapat kami:

- (a) akaun-akaun tersebut memberikan gambaran yang sebenar dan sal�ama tentang kedudukan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Ogos 1991 dan keputusan Kumpulan dan Syarikat serta sumber dan penggunaan dana Kumpulan bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut dan mematuhi Akta Syarikat 1965, dan
- (b) rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar-daftar yang diperlukan oleh Akta untuk disimpan oleh Syarikat telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan-peruntukan Akta tersebut.

Akaun-akaun anak syarikat tidak diaudit oleh kami. Kami telah meneliti akaun-akaun anak syarikat itu dan juga laporan juruaudit mengenainya.

Kami berpuas hati bahawa akaun anak syarikat yang telah disatukan dengan akaun Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar untuk tujuan penyediaan akaun yang disatukan, dan kami telah menerima maklumat yang memuaskan dan keterangan-keterangan yang diperlukan untuk tujuan tersebut.

Laporan juruaudit keatas akaun anak syarikat tidak dikenakan sebarang pengecualian dan tidak mengandungi sebarang teguran mengikut Seksyen Kecil (3) dari Seksyen 174 dibawah Akta tersebut.

Price Waterhouse

PRICE WATERHOUSE  
(No. AF-0052)  
Akauntan Umum  
Akauntan Umum Bertauliah

Ard -

RAJA ARSHAD BIN RAJA TUN UDA  
(No. 383/3/92 (J/PH))  
Rakan dalam firma

Kuala Lumpur  
6 Disember 1991

# **Report Of The Auditors To The Members Of Tenaga Nasional Berhad**



We have examined the accounts set out on pages 39 to 71 in accordance with approved Auditing Standards.

In our opinion:

- (a) the accounts give a true and fair view of the state of affairs of the Group and the Company as at 31 August 1991 and of the results of the Group and the Company and the source and application of funds of the Group for the year ended on that date and comply with the Companies Act, 1965; and
- (b) the accounting and other records and the registers required by the Act to be kept by the Company have been properly kept in accordance with the provisions of the Act.

The accounts of the Company's subsidiary were not audited by us. We have considered the accounts of the subsidiary and the auditors' report thereon.

We are satisfied that the accounts of the subsidiary that have been consolidated with the Company's accounts are in form and content appropriate and proper for the purposes of the preparation of the consolidated accounts and we have received satisfactory information and explanations required by us for those purposes.

The auditors' report on the accounts of the subsidiary was not subject to any qualification and did not include any comment made under subsection (3) of section 174 of the Act.

PRICE WATERHOUSE  
(No. AF-0052)  
Public Accountants  
Certified Public Accountants

RAJA ARSHAD BIN RAJA TUN UDA  
(No. 383/3/92 (J/PH))  
Partner of the firm

Kuala Lumpur  
6 December 1991

# Suratcara Proksi



Saya/Kami ..... adalah

Ahli/ahli-ahli Tenaga Nasional Berhad dan dengan ini melantik .....

beralamat .....

atau pun jika tidak beliau .....

beralamat .....

sebagai Proksi saya/kami untuk menghadiri dan mengundi bagi pihak saya/kami di Mesyuarat Agung Tahunan Pertama Syarikat yang akan diadakan pada hari Isnin 23 Disember 1991, pukul 9.00 pagi dan di sebarang Mesyuarat yang ditangguhkan.

Resolusi	Sokong	Tolak
MELULUSKAN LAPORAN PENGARAH DAN PENYATA KIRA-KIRA BAGI TEMPOH MULAI 12 JULAI 1990 HINGGA 31 OGOS 1990 <i>Resolusi 1</i>		
MELULUSKAN LAPORAN PENGARAH DAN PENYATA KIRA-KIRA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 OGOS 1991 <i>Resolusi 2</i>		
PENGISYTIIHARAN DIVIDEN <i>Resolusi 3</i>		
PEMBAYARAN ELAUN DAN IMEUHAN PENGARAH-PENGARAH <i>Resolusi 4</i>		
PERLANTIKAN PENGARAH-PENGARAH: (a) Dato Chan Keong Hon (b) Dato' Megat Abdul Rahman bin Megat Ahmad (c) Encik Lau Yin Pin @ Lau Yen Beng (d) Dato' Hanifah bin Noordin (e) Dato' (Dr.) Joseph Eravelly <i>Resolusi 5</i> <i>Resolusi 6</i> <i>Resolusi 7</i> <i>Resolusi 8</i> <i>Resolusi 9</i>		
PERLANTIKAN SEMULA JURUAUDIT SYARIKAT <i>Resolusi 10</i>		

(Sila tandakan dengan (X) di tempat kosong berkaitan.)

Tandatangan Ahli .....

Tarikh .....

## NOTA:

- Seorang Ahli yang berhak menghadiri dan mengundi dalam Mesyuarat ini adalah berhak melantik seorang proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihak dirinya.
- Jika suratcara proksi diisi oleh sebuah perbadanan, suratcara ini hendaklah dibuat di bawah meterai perbadanan tersebut ataupun ditandatangani oleh pegawai yang telah diberikan waja untuk berbuat demikian.
- Suratcara perlantikan proksi hendaklah disampaikan ke Pejabat Berdefisir Syarikat tidak kurang dari dua puluh empat (24) jam waktu yang telah ditetapkan untuk mengadakan Mesyuarat atau di sebarang Mesyuarat yang ditangguhkan.

*1. Lipat di sini*

*2. Lipat di sini*

**Setiausaha Syarikat**  
Tenaga Nasional Berhad,  
No. 129 Jalan Bangsar,  
P. S. 11003,  
50732 Kuala Lumpur

*3. Lipat di sini*

# Form Of Proxy



I/We ..... of .....

being a shareholder of Tenaga Nasional Berhad, hereby appoint .....

..... of ..... or

failing him ..... of .....

as my/our proxy, to vote for me/us and on my/our behalf at the First Annual General Meeting of the Company to be held on Monday, 23 December 1991 at 9.00 am and at any adjournment thereof.

Resolutions	For	Against
ADOPTION OF DIRECTORS' REPORT AND ACCOUNTS FOR THE PERIOD FROM 12 JULY TO 31 AUGUST 1990 <i>Resolution 1</i>		
ADOPTION OF DIRECTORS' REPORT AND ACCOUNTS FOR THE YEAR ENDED 31 AUGUST 1991 <i>Resolution 2</i>		
DECLARATION OF DIVIDEND <i>Resolution 3</i>		
PAYMENT OF DIRECTORS' FEES AND REMUNERATION <i>Resolution 4</i>		
ELECTION OF DIRECTORS: (a) Dato Chan Keong Hon (b) Dato' Megat Abdul Rahman bin Megat Ahmad (c) Mr. Lau Yin Pin @ Lau Yen Beng (d) Dato' Hanifah bin Noordin (e) Dato' (Dr.) Joseph Eravelly <i>Resolution 5</i> <i>Resolution 6</i> <i>Resolution 7</i> <i>Resolution 8</i> <i>Resolution 9</i>		
RE-APPOINTMENT OF AUDITORS <i>Resolution 10</i>		

(Please indicate with a cross [X] in the spaces above how you wish your votes to be cast on the Resolutions specified.)

Signature .....

Date .....

## NOTES:

1. A member entitled to attend and vote at this Meeting is entitled to appoint a proxy to attend and vote instead of him.
2. If the proxy is executed by a corporation, this Form of Proxy should be completed under the common seal or the hand and seal of its attorney, or under the hand of a duly authorized officer.
3. The instrument appointing a proxy must be deposited at the Registered Office of the Company not less than 24 hours before the time appointed for holding the meeting or adjourned meeting.

*1. Fold here*

---

*2. Fold here.*

---

**Company Secretary**  
Tenaga Nasional Berhad,  
No. 129 Jalan Bangsar,  
P. S. 11003,  
50732 Kuala Lumpur

*3. Fold here*

---

T E N A G A

N A S I O N A L

B E R H A D

LAPORAN KORPORAT  
CORPORATE REPORT



**TENAGA  
NASIONAL BERHAD**

---

## *RASIONAL REKA-BENTUK/DESIGN RATIONALE*

---

### *Tugas Yang Diamanahkan*

*1992 merupakan tahun yang menyaksikan suatu tahap pencapaian yang lebih besar bagi Tenaga Nasional Berhad. Justeru itu, kami menonjolkan usaha para kakitangan kami yang tidak mengenal penat lelah pada rekabentuk kulit luar - satu gambaran tugas yang kami pikul seperti yang termaktub dalam Missi Korporat kami.*

*Kedudukan Logo Korporat yang strategik bersama-sama dengan garisan merah melambangkan talian penghantaran kuasa yang cekap, sementara warna latar belakang perang granit pula mencerminkan masa depan kami yang teguh.*

*Kami terus mendokong tugas yang diamanahkan kepada kami sambil berjuang ke arah pencapaian Wawasan 2020.*

### *The Duty Before Us*

*1992 has been a year of greater achievement for Tenaga Nasional Berhad. It is therefore appropriate that we focus the cover design on the untiring efforts of our Employees - exemplifying the duty before us as enshrined in our Corporate Mission.*

*The Corporate Logo is strategically positioned together with a line of red representing the efficient lines of energy transmission while the beige background of granite denotes the sturdy bright future ahead of us.*

*As we strive towards Vision 2020, we continue to be mindful of the duty before us.*

# **Missi Korporat**

## **Corporate Mission**



*Untuk menyediakan satu infrastruktur ekonomi nasional yang penting dengan cara :*

\* *Memenuhi keperluan pelanggan untuk bekalan tenaga yang selamat, yang berdaya-harap dan ekonomik secara berterusan*

\* *Menggalakkan pertumbuhan organisasi-organisasi bisnes yang cekap yang boleh memenuhi keperluan industri bekalan tenaga*

*di samping memenuhi kehendak semua pemegang saham.*

*To provide an essential part of the national economic infrastructure by :*

\* *Continuously meeting customers' requirements for energy safely, reliably and economically*

\* *Encouraging the growth of efficient enterprises to service the needs of the energy supply industry*

*whilst meeting the needs of all shareholders.*

## **Kandungan**

## **Contents**

Missi Korporat	1
Notis Mesyuarat Agung Tabunan	2
Pencapaian Prestasi setakat 31 Ogos, 1992	6
Maklumat Korporat	8
Lembaga Pengarab	10
Jawatankuasa Pengurusan	12
Penyata Pengerusi	14
Kajian Operasi	36
Peristiwa Penting Korporat	56
Carta Grid Nasional	60
Analisis Pemegangan Saham	62
Senarai Hartanah	64
Borang Proksi	
Corporate Mission	1
Notice of Annual General Meeting	4
Performance Highlights as at 31 August, 1992	6
Corporate Information	8
Board of Directors	10
Management Committee	12
Chairman's Statement	24
Review of Operations	46
Corporate Highlights	58
National Grid Chart	60
Analysis of Shareholdings	62
Properties List	64
Proxy Form	

## Notis Mesyuarat Agung Tabunan

DENGAN INI DINYATAKAN bahawa MESYUARAT AGUNG TAHUNAN YANG KEDUA Tenaga Nasional Berhad akan diadakan di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur pada hari Selasa, 22 Disember, 1992, pukul 9.30 pagi untuk tujuan-tujuan berikut :

- 1) Menerima dan meluluskan Laporan Pengarab dan Penyata Kira-Kira yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Ogos, 1992 dan Laporan Juruaudit-Juruaudit yang dilampirkan. **(Resolusi 1)**
- 2) Meluluskan pengisytiharan dividen sebanyak 6.66 peratus sesaham biasa (ditolak 34 peratus cukai pendapatan) bagi tahun berakhir 31 Ogos, 1992. **(Resolusi 2)**
- 3) Meluluskan pembayaran Elaun dan Imbuhan Pengarab-Pengarab. **(Resolusi 3)**
- 4) Melantik semula Pengarab-Pengarab berikut yang bersara menurut Artikel 135 Tataurusan Syarikat, yang mana layak dan menawarkan diri untuk dilantik semula :
  - (a) Dato' Hanifah bin Noordin **(Resolusi 4)**
  - (b) Dato Chan Keong Hon **(Resolusi 5)**
- 5) Melantik semula Price Waterhouse sebagai Juruaudit Syarikat dan memberi kuasa kepada Pengarab-Pengarab untuk menetapkan imbuhan mereka. **(Resolusi 6)**
- 6) Sebagai urusan khas : Untuk menimbang dan jika difikirkan sesuai, meluluskan resolusi-resolusi berikut :

### Resolusi Biasa :

**BAHAWA** tertakluk kepada Undang-Undang Kecil Skim Opsyen Saham Pekerja ("ESOS") Syarikat dan menurut Tataurusan Syarikat, Lembaga Pengarab adalah dan dengan ini diberi kuasa menawar dan memperuntukkan dari masa ke masa kepada Pengarab-Pengarab Eksekutif Syarikat sebilangan saham biasa yang tidak melebihi daripada jumlah (termasuk sebarang saham yang telah pun ditawarkan) bilangan yang dicatatkan di sebelah nama masing-masing di bawah ini menurut ESOS :

	<b>Jumlah Saham</b>		
	Maksimum Dibenarkan	Sudah Ditawarkan	Baki Saham Yang Akan Ditawarkan
i) Tan Sri Dato' Haji (Dr) Ani bin Arope, Pengerusi Eksekutif	300,000	Tiada	300,000
ii) Dato' Mohamed Ariffin bin Abdul Rahman, Pengurus Besar Kanan (Operasi)/Pengarab	250,000	200,000	50,000

**(Resolusi 7)**

**(Resolusi 8)**

### Resolusi Khas :

**BAHAWA** Tataurusan Syarikat adalah dengan ini dipinda seperti berikut:

- (i) **BAHAWA** Artikel 1 (2) yang sedia ada dipinda dengan memasukkan selepas definisi "Orang Yang Berbak" definisi seperti berikut : "Pengarab Eksekutif" termasuk seorang Pengarab Urusan.
- (ii) **BAHAWA** Artikel 5 (2) yang sedia ada dipinda dengan memansubkan perkataan "Kerajaan" di mana-mana dinyatakan di dalam Artikel tersebut.
- (iii) **BAHAWA** Artikel 115 (1) yang sedia ada dipinda dengan :
  - (a) memansubkan ayat pertama Artikel berkenaan;
  - (b) memansubkan perkataan "berkenaan" di dalam ayat yang kedua Artikel tersebut;
  - (c) memasukkan di dalam ayat yang kedua Artikel berkenaan selepas perkataan "penamatian" perkataan-perkataan "bagi Pengarab-Pengarab yang Dilantik";

Artikel 115 (1) yang dipinda hendaklah dibaca seperti berikut :

"115 (1). Sebarang perlantikan, pencaionan, penyingkiran atau penamatian hendaklah dibuat secara bertulis kepada Setiausaha berserta dengan di mana sesuai, persetujuan orang yang berkenaan untuk bertindak, dan notis tersebut hendaklah ditandatangani oleh atau bagi pihak Pemegang Saham Utama."



- (iv) **BAHAWA** Artikel 115 (2) yang sedia ada dipinda dengan memansubkan perkataan "Kerajaan" di baris kedua Artikel tersebut.
- (v) **BAHAWA** Artikel 115 (3), Artikel 115 (4), Artikel 119 (1) dan Artikel 138 yang sedia ada dipinda dengan memansubkan perkataan "Kerajaan" di mana-mana dinyatakan di dalam Artikel-Artikel berkenaan dan mengantikannya dengan perkataan "seorang".
- (vi) **BAHAWA** Artikel 128 yang sedia ada dipinda dengan :
- memansubkan perkataan-perkataan "seorang Pengarah Urusan Syarikat" di baris kedua dan mengantikannya dengan perkataan-perkataan "seorang atau lebih daripada seorang Pengarah untuk menjadi Pengarah-Pengarah Eksekutif";
  - memansubkan perkataan "Urusan" di baris ketujuh dan mengantikannya dengan perkataan "Eksekutif";
  - memasukkan selepas perkataan "beliau" di baris kelapan dengan perkataan-perkataan "atau mereka";
  - memasukkan di baris kesembilan, selepas perkataan-perkataan "seorang lagi" perkataan-perkataan "atau orang-orang lain"; selepas perkataan "beliau" perkataan-perkataan "atau mereka" dan juga selepas perkataan "tempat" perkataan-perkataan "atau tempat-tempat".
- (vii) **BAHAWA** Artikel 129, 130 dan 131 yang sedia ada dipinda dengan memansubkan perkataan "Urusan" di mana-mana yang dinyatakan di dalam Artikel tersebut dan mengantikannya dengan perkataan "Eksekutif".
- (viii) **BAHAWA** Artikel 131 yang sedia ada dipinda dengan memansubkan perkataan "Urusan" di baris pertama dan mengantikannya dengan perkataan "Eksekutif".
- (ix) **BAHAWA** Artikel 135 yang sedia ada dipinda dengan memansubkan di baris akhir perkataan-perkataan "Pengarah yang Dilantik oleh Kerajaan" dan mengantikannya dengan perkataan-perkataan "Pengarah yang Dilantik oleh Pemegang Saham Utama".
- (x) **BAHAWA** Artikel 140 yang sedia ada dipinda dengan memansubkan tanda noktah selepas perkataan "Pengarah-Pengarah" di baris kedua dan memasukkan selepasnya ayat-ayat berikut : "dan Pengerusi tersebut boleh diberi kuasa eksekutif sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga. Pengerusi tidak akan manakala beliau terus memiliki kuasa eksekutif tersebut tertakluk kepada persaraan secara giliran dan beliau tidak akan diambilkira di dalam menentukan giliran atau persaraan Pengarah-Pengarah."
- (xi) **BAHAWA** Tataurusan Syarikat yang sedia ada dipinda dengan memasukkan selepas Artikel 204, Artikel 205 yang baru seperti berikut : "205. Sebarang pemansuhan, pindaan atau tambahan kepada mana-mana daripada Artikel-Artikel ini tidak boleh dibuat tanpa kebenaran bertulis diperolehi dan diterima terlebih dahulu daripada Bursa Saham Kuala Lumpur bagi membuat pemansuhan, pindaan atau tambahan tersebut." **(Resolusi 9)**
- 7) Membincangkan lain-lain perkara lazim yang mana notis yang sepatutnya telah diberikan. **(Resolusi 10)**

Dengan Perintah Lembaga Pengarah

**Dato' Mahmud Badri bin Haji Basir**  
Setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur  
14 November, 1992

**Nota:**

- (i) Seorang abli yang berbak menghadiri dan mengundi di dalam Mesyuarat ini adalah berbak melantik seorang proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pibak dirinya. Seorang proksi tidak semestinya seorang Abli Syarikat.
- (ii) Suratcara perlantikan proksi hendaklah dibuat secara bertulis oleh orang yang melantik atau pibak yang berkuasa yang dilantik di bawah surat kuasa wakil atau jika orang yang melantik adalah sebuah perbadanan, sama ada disempurnakan dengan meterai atau disempurnakan oleh pegawai atau wakil kuasa yang dilantik di bawah surat kuasa wakil.
- (iii) Suratcara perlantikan proksi hendaklah sampai di Pejabat Berdaftar Syarikat, Tenaga Nasional Berhad, 129, Jalan Bangsar, 59200 Kuala Lumpur tidak lewat dari dua puluh empat (24) jam sebelum waktu yang ditetapkan untuk mengadakan Mesyuarat.
- (iv) Pendaftaran bagi abli-abli/proksi-proksi yang hendak menghadiri Mesyuarat adalah dari pukul 8.00 pagi hingga 9.30 pagi, pada hari Mesyuarat diadakan.

# Notice of Annual General Meeting

NOTICE IS HEREBY GIVEN that the SECOND ANNUAL GENERAL MEETING of Tenaga Nasional Berhad will be held at Dewan Merdeka, Putra World Trade Centre, Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur on Tuesday, 22 December, 1992, at 9.30 am for the following purposes :

- 1) To receive and adopt the Directors' Report and Audited Accounts for the year ended 31 August, 1992 and the Auditors' Report thereon. **(Resolution 1)**
- 2) To approve the declaration of a dividend of 6.66 per cent, per ordinary share (less 34 per cent income tax) for the year ended 31 August, 1992. **(Resolution 2)**
- 3) To approve Directors' Fees and Remuneration. **(Resolution 3)**
- 4) To re-elect the following Directors who retire in accordance with Article 135 of the Company's Articles of Association and being eligible, offer themselves for re-election :
  - (a) Dato' Hanifah bin Noordin **(Resolution 4)**
  - (b) Dato' Chan Keong Hon **(Resolution 5)**
- 5) To re-appoint Price Waterhouse as Auditors of the Company and to authorise the Directors to fix their remuneration. **(Resolution 6)**
- 6) As special business :  
To consider and if thought fit, to pass the following resolutions :

**Ordinary Resolution :**

**THAT** subject to the Bye-Laws of the Company's Employee Share Option Scheme ("ESOS") and pursuant to the Articles of Association of the Company, the Board of Directors be and are hereby authorised to offer and allot from time to time to the Executive Directors of the Company such number of ordinary shares not exceeding in total (including any shares already offered) the number set out against their respective names hereunder pursuant to the ESOS :

	<b>Number Of Shares</b>		
	<b>Maximum Allowable</b>	<b>Previously Offered</b>	<b>Balance of Shares to be offered Pursuant to ESOS</b>
(i) Tan Sri Dato' Haji (Dr) Ani bin Arope, Executive Chairman	300,000	Nil	300,000
(ii) Dato' Mohamed Ariffin bin Abdul Rahman, Senior General Manager (Operations)/Director	250,000	200,000	50,000

**(Resolution 7)**  
**(Resolution 8)**

**Special Resolution :**

**THAT** the Company's Articles of Association be and are hereby amended in the following manner :

- (i) **THAT** the existing Article 1 (2) be amended by inserting immediately after the definition of "Entitled Person" the following definition :  
"Executive Director" includes a Managing Director.
- (ii) **THAT** the existing Article 5 (2) be amended by deleting the word "Government" wherever it appears in this Article.
- (iii) **THAT** the existing Article 115 (1) be amended by:
  - (a) deleting the first sentence of the Article;
  - (b) deleting the word "such" appearing in the second sentence of the Article;
  - (c) inserting in the second sentence of the Article immediately after the word "termination" the words "of Appointed Directors".

The amended Article 115 (1) shall be read as follows:

"115 (1). Any appointment, nomination, removal or termination of Appointed Directors shall be in writing served on the Secretary together with where appropriate, the consent of the person concerned to act, and such notice shall be signed by or on behalf of the Special Shareholder."



- (iv) **THAT** the existing Article 115 (2) be amended by deleting the word "Government" appearing on the second line.
- (v) **THAT** the existing Article 115 (3), Article 115 (4), Article 119 (1) and Article 138 be amended by deleting the words "a Government" wherever they appear in these Articles and to replace therefor the word "an".
- (vi) **THAT** the existing Article 128 be amended by :
- deleting the words "a Managing Director of the Company" appearing on the second line and to replace therefor the words "one or more Directors to be Executive Directors";
  - deleting the word "Managing" appearing on the seventh line and to replace therefor the word "Executive";
  - inserting immediately after the word "him" appearing on the eighth line the words "or them";
  - inserting on the ninth line, immediately after the word "another" the words "or others"; immediately after the word "his" the words "or their" and also immediately after the word "place" the words "or places".
- (vii) **THAT** the existing Article 129, Article 130 and Article 131 be amended by deleting the words "a Managing" wherever they appear in these Articles and to replace therefor the words "an Executive".
- (viii) **THAT** the existing Article 131 be amended by deleting the word "Managing" appearing on the first line and replace therefor the word "Executive".
- (ix) **THAT** the existing Article 135 be amended by deleting on the last sentence of the Article the words "Government Appointed Directors" and to replace therefor the words "Directors Appointed by Special Shareholder".
- (x) **THAT** the existing Article 140 be amended by deleting the full stop after the word "Directors" appearing on the second line and inserting immediately thereafter the following sentences : "and such Chairman may be given such executive powers as shall be determined by the Board of Directors. The Chairman shall not whilst he continues to have such executive powers be subject to retirement by rotation and he shall not be taken into account in determining the rotation or retirement of Directors".
- (xi) **THAT** the existing Articles of Association of the Company be amended by inserting immediately after Article 204, the following new Article 205 : "205. No deletion, amendment or addition to any of these Articles shall be made unless prior written approval has been sought and obtained from the Kuala Lumpur Stock Exchange for such deletion, amendment or addition."

**(Resolution 9)**

7) To transact any other ordinary business of the Company for which due notice shall have been given.

**(Resolution 10)**

By Order of the Board

**Dato' Mahmud Badri bin Haji Basir**  
Company Secretary

Kuala Lumpur  
14 November, 1992

**Notes:**

- (i) Any member entitled to attend and vote at this Meeting is entitled to appoint a proxy, or by a duly authorised representative for the particular case to attend and vote in his stead. A proxy need not be a member of the Company.
- (ii) The instrument appointing a proxy shall be in writing under the hand of the appointer or his attorney duly appointed under a power of attorney or if such appointer is a corporation, either under its common seal or under the hand of an officer or attorney duly appointed under a power of attorney.
- (iii) The instrument appointing a proxy must be deposited at the Registered Office of the Company, Tenaga Nasional Berhad, 129, Jalan Bangsar, 59200 Kuala Lumpur, not less than twenty-four (24) hours before the time fixed for holding the Meeting.
- (iv) Registration of members/proxies attending the Meeting will be from 8.00 am to 9.30 am on the day of the Meeting.

## Pencapaian Prestasi Setakat 31 Ogos, 1992 Performance Highlights As At 31 August, 1992



Penyenggaraan pemasangan elektrik dari masa ke masa/  
Regular maintenance of electrical installations

"Setakat 31 Ogos, 1992, permodalan pasaran TNB bernilai M\$ 28,950 juta, iaitu yang tertinggi di BSKL dan merupakan 14.5 peratus daripada jumlah permodalan pasaran sebanyak M\$ 199,600 juta"



	<b>1992</b>	<b>1991</b>
<b>PENJANAAN/GENERATION*</b>		
Jumlah keupayaan terpasang (MW)	<b>5,652</b>	4,919
Total installed capacity (MW)		
<b>JUALAN ELEKTRIK/SALES OF ELECTRICITY</b>		
Jumlah unit dijual (GWj)	<b>22,630.8</b>	19,538.0
Total units sold (GWh)		
Hasil jualan (juta Ringgit)	<b>4,089.8</b>	3,515.2
Revenue from sales (million Ringgit)		
<b>PELANGGAN/CUSTOMERS</b>		
Bilangan pelanggan	<b>3,320,521</b>	3,103,767
Total number of customers		
<b>KAKITANGAN/EMPLOYEES</b>		
Bilangan Kakitangan	<b>22,752</b>	23,065
Total number of Employees		
<b>KEWANGAN /FINANCE (Kumpulan/Group)</b>		
Jumlah perolehan (juta Ringgit)	<b>4,283.0</b>	3,702.1
Total turnover (million Ringgit)		
Jumlah perbelanjaan kendalian termasuk susutnilai (juta Ringgit)	<b>2,868.3</b>	3,000.1
Total operating expenses including depreciation (million Ringgit)		
Keuntungan sebelum cukai (juta Ringgit)	<b>1,414.7</b>	702.0
Profit before tax (million Ringgit)		
Harta tetap (juta Ringgit)	<b>14,966.8</b>	12,903.8
Fixed assets (million Ringgit)		

Nota/Note

\* Grid Nasional  
National Grid



Ibu Pejabat Tenaga Nasional Berhad pada waktu senja/  
Head Office of Tenaga Nasional Berhad at dusk


*"As at 31 August, 1992, the market capitalisation of TNB stood at M\$ 28,950 million, the highest on the KLSE, constituting about 14.5 per cent of total market capitalisation of M\$ 199,600 million"*



#### **PEJABAT BERDAFTAR/REGISTERED OFFICE**

*Tenaga Nasional Berhad  
129, Jalan Bangsar  
59200 Kuala Lumpur  
Malaysia*

<i>Telefon/Telephone</i>	<i>03-2825566</i>
<i>Faksimili/Facsimile</i>	<i>03-2826754</i>
<i>Teleks/Telex</i>	<i>TRANG MA 30426, ELELEN MA 33714</i>
<i>Telegram/Telegram</i>	<i>TRANG</i>



#### **PENDAFTAR SAHAM/SHARE REGISTRAR**

*MIDF Consultancy and Corporate Services Sendirian Berhad  
12th Floor, Bangunan MIDF  
195A, Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur  
Malaysia*

*Telefon/Telephone                    03-2613355*

#### **BANK-BANK UTAMA/PRINCIPAL BANKERS**

*Bank Bumiputra Malaysia Berhad  
Menara Bumiputra  
Jalan Melaka  
50100 Kuala Lumpur*


*Malayan Banking Berhad  
Menara Maybank  
100, Jalan Tun Perak  
50050 Kuala Lumpur*

#### **JURUAUDIT/AUDITORS**

*Price Waterhouse  
Tingkat 11, Wisma Sime Darby  
Jalan Raja Laut  
50350 Kuala Lumpur*

#### **DISENARAIAKAN DI/STOCK EXCHANGE LISTING**

*Bursa Saham Kuala Lumpur/Kuala Lumpur Stock Exchange*





Dari Kiri Ke Kanan/From Left To Right :

1. Dato' Haji Mohd Zihin bin Mohd Hassan
2. Dato' Megat Abdul Rahman bin Megat Ahmad
3. Dato' Helmi bin Mohd Noor
4. Dato' N. Sadashivan
5. Dr Abdul Aziz bin Muhamad
6. Tan Sri Dato' Haji (Dr) Ani bin Arope
7. Dato' Dr Joseph Eravely
8. Dato' Hanifah bin Noordin
9. Lau Yin Pin @ Lau Yen Beng
10. Dato' Mahmud Badri bin Haji Basir (Setiausaha Syarikat/Company Secretary)
11. Dato Chan Keong Hon
12. Dato' Mohamed Ariffin bin Abdul Rahman

Tiada Dalam Gambar/Not In The Photograph :

Dato' Dr Mazlan bin Ahmad, Norminshah binti Sabirin, Dr Mohd Yusof bin Ismail





#### **LEMBAGA PENGARAH/BOARD OF DIRECTORS**

*Tan Sri Dato' Haji (Dr) Ani bin Arope*

*Pengerusi Eksekutif/Executive Chairman*

*(dilantik sebagai Pengerusi Eksekutif pada 1 September, 1992/appointed as Executive Chairman on 1 September, 1992)*

*Dato' Dr Mazlan bin Ahmad*

*Pengarab/Director*

*(dilantik pada 1 November, 1991/appointed on 1 November, 1991)*

*Dato' Helmi bin Mohd Noor*

*Pengarab/Director*

*Dato' N. Sadasivan*

*Pengarab/Director*

*Dato' Haji Mohd Zibin bin Mohd Hassan*

*Pengarab/Director*

*Dato' Hanifah bin Noordin*

*Pengarab/Director*

*Dato' Chan Keong Hon*

*Pengarab/Director*

*Dato' Megat Abdul Rahman bin Megat Ahmad*

*Pengarab/Director*

*Lau Yin Pin @ Lau Yen Beng*

*Pengarab/Director*

*Dato' Dr Joseph Eravelly*

*Pengarab/Director*

*Dato' Mohamed Ariffin bin Abdul Rahman*

*Pengarab/Director*

*(dilantik pada 1 September, 1992/appointed on 1 September, 1992)*

*Dr Abdul Aziz bin Muhamad*

*Pengarab Pengganti kepada/Alternate Director to Dato' Dr Mazlan bin Ahmad  
(dilantik pada 1 November, 1991/appointed on 1 November, 1991)*

*Norminshah binti Sabirin*

*Pengarab Pengganti kepada/Alternate Director to Dato' Helmi bin Mohd Noor  
(menamatkan perkhidmatan pada 25 September, 1992/ceased to be an Alternate Director on 25 September, 1992)*

*Dr Mohd Yusof bin Ismail*

*Pengarab Pengganti kepada/Alternate Director to Dato' Helmi bin Mohd Noor*

*(dilantik pada 1 Oktober, 1992/appointed on 1 October, 1992)*

#### **SETIAUSAHA SYARIKAT/COMPANY SECRETARY**

*Dato' Mahmud Badri bin Haji Basir*

*Setiausaha Syarikat/Company Secretary*

## Jawatankuasa Pengurusan Management Committee



Tan Sri Dato' Haji (Dr) Ani bin Arope



Dari Kiri Ke Kanan/From Left To Right :

1. Th'ng Yong Huat
2. Haji Wan Ali bin Wan Jaafar
3. Ahmad Abid bin Haji Zainal Abidin
4. Kamaluddin bin Haji Ibrahim Ali
5. Dato' Mohamed Ariffin bin Abdul Rahman
6. Dato' Mahmud Badri bin Haji Basir
7. Wan Hussein bin Wan Endut Al-Haj

Tiada Dalam Gambar/Not In The Photograph :

Mohd Yusof bin Haji Ibrahim





26653

*Tan Sri Dato' Haji (Dr) Ani bin Arope  
Pengerusi Eksekutif/Executive Chairman*

*Dato' Mohamed Ariffin bin Abdul Rahman  
Pengurus Besar Kanan (Operasi)/  
Senior General Manager (Operations)*

*Dato' Mahmud Badri bin Haji Basir  
Pengurus Besar (Perkhidmatan Korporat)/  
General Manager (Corporate Services)*

*Kamaluddin bin Haji Ibrahim Ali  
Pengurus Besar (Pengurusan Sumber Manusia)/  
General Manager (Human Resource Management)*

*Wan Hussein bin Wan Endut Al-Haj  
Pengurus Besar (Pembangunan Bisnes)/  
General Manager (Business Development)*


*Tb'ng Yong Huat  
Pengurus Besar (Projek Utama)/  
General Manager (Major Projects)*

*Ahmad Abid bin Haji Zainal Abidin  
Pengurus Besar (Kendalian Bekalan)/  
General Manager (Supply Operations)*

*Mohd Yusof bin Haji Ibrahim  
Pengurus Besar (Perkhidmatan Pengguna)/  
General Manager (Customer Services)*

*Haji Wan Ali bin Wan Jaafar (menjalankan tugas/covering the duties of)  
Pengurus Besar (Kewangan)/  
General Manager (Finance)*

## Penyata Pengerusi



Tan Sri Dato' Haji (Dr) Ani bin Arope

*"Kumpulan mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak M\$ 1,414.7 juta, iaitu bertambah sebanyak 101.5 peratus berbanding dengan tahun 1991"*



## PENDAHULUAN

Bagi pihak Lembaga Pengarab, saya dengan sukacitanya membentang Laporan Tabunan pertama Tenaga Nasional Berhad (TNB) selepas disenaraikan sebagai syarikat awam bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos, 1992. Tabun kewangan bermula dengan dasar belanjawan dan berakhir dengan laporan kewangan. Permulaan tersebut mengandungi matlamat, dasar dan perancangan dan laporan kewangan mengukur sejaub mana perlaksanaan dan pencapaian Syarikat. Laporan ini membentangkan inisiatif yang diambil oleh Lembaga Pengarab, Pengurusan dan Kakitangan TNB sepanjang tabun kajian serta pencapaian korporat dan kewangannya.

Memandangkan Syarikat ini, dahulunya sebuah badan berkanun yang dikenali sebagai Lembaga Letrik Negara, pertukarannya kepada sebuah syarikat swasta menjadi lebih lancar dan cepat. Syarikat ini telah mengambil masa kurang daripada dua tabun untuk disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) iaitu pada 28 Mei, 1992. Pertukaran ini merupakan satu cabaran terbesar yang pernah dialami dalam sejarah korporat Malaysia.

## PRESTASI KEWANGAN

Saya dengan sukacitanya mengumumkan bahawa Kumpulan mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak M\$ 1,414.7 juta, iaitu bertambah sebanyak 101.5 peratus berbanding dengan tahun 1991. Pendapatan sesambas kasarnya pula ialah sebanyak 44.0 sen. Syarikat menyumbang sebanyak M\$ 1,404.1 juta kepada keuntungan sebelum cukai yang dicatat oleh Kumpulan.

Syarikat memperolehi jumlah basir jualan elektrik sebanyak M\$ 4,089.8 juta. Ini merupakan pertambahan sebanyak 16.3 peratus berbanding dengan tahun kewangan 1991. Kos kendalian bagi tabun ini berjumlah M\$ 2,865.1 juta berbanding sebanyak M\$ 2,996.4 juta dalam tabun sebelumnya, berkurangan sebanyak 4.4 peratus.

Jumlah harta tetap Syarikat bagi tahun ini bertambah sebanyak 16.0 peratus, iaitu kepada M\$ 14,949.3 juta berbanding pada tahun sebelumnya, sementara harta bersih sesambas pula ialah sebanyak M\$ 3.42.

Pinjaman berjangka belum berbayar Syarikat telah bertambah kepada M\$ 5,809.5 juta pada akhir tahun ini berbanding dengan M\$ 5,580.6 juta pada akhir tabun sebelumnya. Dana pemegang saham pula bertambah kepada M\$ 10,249.0 juta.

Perbelanjaan modal Syarikat bagi tabun kewangan 1992 ialah sebanyak M\$ 2,453.6 juta. Penghasilan tunai dalaman menyediakan sebanyak M\$ 1,931.4 juta dan merupakan 78.7 peratus sumber kewangan dalaman untuk membiayai perbelanjaan modal bagi tahun ini. Baki M\$ 522.2 juta lagi dibiayai dari sumber luar.

Melalui pengurusan kewangan yang cermat, Syarikat telah berjaya memenuhi semua perjanjian kewangan yang dipersetujui dengan Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia.



**Pengapungan dan penyenaraian saham TNB di Bursa Saham Kuala Lumpur/**  
Flotation and listing of TNB shares at the Kuala Lumpur Stock Exchange

Berusaha ke arah memberi bekalan yang berterusan/  
Striving towards continuous supply

"Saham Syarikat menunjukkan prestasi yang baik dalam tahun ini. Harganya telah meningkat dari paras M\$ 8.00 pada hari penyenaraian dan mencecah paras tertinggi iaitu M\$ 10.20 dalam bulan Julai dan ditutup pada harga M\$ 9.65 pada akhir tahun kewangan ini"





Dari segi pembiayaan luar negeri, Syarikat telah menandatangani satu perjanjian pinjaman utama dengan Tabung Kerjasama Ekonomi Luar Negeri, Jepun berjumlah Yen 31,966 ribu juta (M\$ 646.7 juta) untuk membiayai sebahagian daripada kos luar negeri bagi projek Fasa III Stesen Janaelektrik Sultan Salahuddin Abdul Aziz, Kapar.

Syarikat telah mengatur beberapa strategi dan menggunakan beberapa instrumen kewangan bagi mengurangkan kesan pendedahan pertukaran matawang asing dan kadar faedah ke atas portfolio pinjamannya. Syarikat telah dengan secara aktif melaksanakan pembiayaan semula, pembayaran pendahuluan, urusan 'forward hedging' dan 'swap'. Hasil dari usaha-usaha tersebut, sasaran campuran portfolio pinjaman Syarikat telah bertambah baik. Peratus pinjaman Ringgit telah meningkat, manakala pendedahan Yen dan US Dollar telah berkurangan seperti yang ditunjukkan di bawah:

Matawang	31 Ogos, 1991	31 Ogos, 1992
	(%)	(%)
Ringgit	21	29
Yen	31	26
US Dollar	28	20
Matawang-Matawang Eropah	19	24
Lain-lain	1	1
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

#### PENGAPUNGAN/PENYENARAIAN SAHAM

Pada 29 Februari, 1992, Syarikat telah menerbitkan prospektus yang menawarkan sebanyak 625,047,000 saham biasa baru bernilai M\$ 1.00 sesaham pada harga M\$ 4.50 sesaham dan 60,000,000 saham biasa baru bernilai M\$ 1.00 sesaham secara tender pada harga minimum M\$ 4.50 sesaham. Bahagian tender ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelabur-pelabur antarabangsa dan tempatan dengan lebih lanjut langganan sebanyak 6.47 kali. Bahagian tawaran awam, iaitu yang terbesar di Malaysia telah mencapai lebih lanjut langganan sebanyak 3.47 kali dan Syarikat memperolehi kutipan kasar sebanyak M\$ 3,213.9 juta.

Pada 28 Mei, 1992, saham Syarikat mencatatkan harga hari pertama yang begitu tinggi di BSKL, iaitu M\$ 8.00 yang merupakan premium sebanyak M\$ 3.50 dari harga terbitan minimum M\$ 4.50. Sambutan pasaran adalah di luar dugaan dan ini mencerminkan keyakinan para pelabur terhadap Syarikat.

#### PRESTASI SAHAM

Saham Syarikat menunjukkan prestasi yang baik dalam tahun ini. Harganya telah meningkat dari paras M\$ 8.00 pada hari penyenaraian dan mencecah paras tertinggi iaitu M\$ 10.20 dalam bulan Julai dan ditutup pada harga M\$ 9.65 pada akhir tahun kewangan ini. Pada umumnya, harga mengikut arah aliran pasaran yang kebanyakannya dipengaruhi oleh perkembangan di peringkat antarabangsa. Pengumuman pencapaian Syarikat yang memuaskan bagi setengah tahun pertama yang dibuat dalam bulan Mei 1992, telah dapat menstabilkan harga saham.

Pegangan saham oleh pihak institusi telah menurun iaitu dari 8.71 peratus dalam bulan Mei kepada 7.96 peratus dalam bulan Ogos. Kepentingan pelabur luar negeri pula semakin meningkat dan pegangan saham mereka bertambah dari 1.73 peratus dalam bulan Mei 1992 kepada 4.07 peratus dalam bulan Ogos.

Setakat 31 Ogos, 1992, permodalan pasaran TNB bernilai M\$ 28,950 juta, iaitu yang tertinggi di BSKL dan merupakan kira-kira 14.5 peratus daripada jumlah permodalan pasaran sebanyak M\$ 199,600 juta.

## Penyata Pengurus



Kaunter Pandu Masuk - kemudahan yang diberi kepada pelanggan/  
Drive-in Counters - for customers' convenience

*"berbagai aktiviti telah dilaksana untuk mempertingkatkan kemahiran kakitangan iaitu melalui program-program latihan yang diadakan di dalam dan luar negeri"*



## PERKHIDMATAN PELANGGAN

Sejak dengan Penyataan Missi Korporatnya untuk menyediakan satu infrastruktur ekonomi nasional yang penting dengan memenuhi keperluan tenaga yang selamat, berdaya-harap dan ekonomik secara berterusan, Syarikat telah berusaha mempertingkatkan perkhidmatan pelanggan dengan memperkenalkan pelbagai perkhidmatan dan kemudahan tambahan. Perkhidmatan kaunter Tujuh Hari Seminggu telah diperkenalkan di beberapa daerah bagi membolehkan para pelanggan membayar bil elektrik pada hujung minggu dan hari cuti am. Syarikat juga bercadang untuk membuka lebih banyak kaunter khidmat pelanggan di pusat-pusat komersial dan kompleks membeli-belah bagi menambahkan lagi kemudahan kepada pelanggan.

Dalam tahun kajian ini, Syarikat telah berusaha untuk memperbaiki operasi Pusat Pengurusan Bekalan di seluruh negara. Khidmat Pengurusan Pemulihan Berkomputer di kebanyakan Pusat Pengurusan Bekalan telah membantu untuk mempertingkat dan memperbaiki lagi mutu operasi. Ini merupakan satu pencapaian besar dari segi kejuruteraan di mana ia melibatkan integrasi pengkalan data dan pemetaan yang digunakan bagi memulihkan semula bekalan. Hasilnya, kawalan pengurusan bekalan telah bertambah baik kerana kemudahan mendapat maklumat operasi dengan cepat dan tepat.

Selain daripada itu, Kawasan Wilayah Persekutuan telah memperkenalkan konsep pasukan bermotosikal yang melibatkan Pencari Kerosakan, sebaik sahaja menerima panggilan kerosakan, akan menggunakan motosikal untuk membuat siasatan. Ini telah mempertingkatkan keupayaan membaiki kerosakan kerana pekerja tidak lagi tersangkut dalam kesesakan lalulintas.

Syarikat telah menggantikan sistem radio 'VHF' yang lama dengan sistem radio 'Logic Trunk' yang moden di bandar-bandar utama ke arah memperbaiki lagi komunikasi.

Syarikat juga sedang dalam proses untuk melaksanakan projek Sistem Membil dan Maklumat Pelanggan yang akan memperbaiki lagi perkhidmatan pelanggan.

## SUMBER TENAGA MANUSIA DAN LATIHAN

Setakat 31 Ogos, 1992, Syarikat mempunyai sumber tenaga manusia seramai 22,752 orang, berkurangan sebanyak 1.4 peratus berbanding dengan tahun sebelumnya, tetapi pengurangan ini tidak menjelas prestasi Syarikat. Pengurusan Syarikat dikendalikan oleh Kakitangan profesional yang bukan sahaja mempunyai kemahiran dalam bidang kejuruteraan, tetapi juga kemahiran dalam pelbagai bidang pengurusan.

Dalam tahun kajian ini, berbagai aktiviti telah dilaksana untuk mempertingkatkan kemahiran Kakitangan iaitu melalui program-program latihan yang diadakan di dalam dan luar negeri. Ini termasuklah program Biasiswa Ijazah Pertama dan Ijazah Lanjutan, program Pengurus-Pengurus Muda serta program Perkhidmatan Pelanggan Berkualiti. Semua program tersebut dilaksana berdasarkan kepada falsafah Syarikat bahawa sumber tenaga manusia merupakan harta Syarikat yang tidak ternilai. Pelaburan dalam latihan akan memberi manfaat yang besar kepada Syarikat dalam jangkamasa panjang.

Syarikat telah melaksanakan beberapa projek seperti Penilaian Kerja dan Penilaian Prestasi yang mempunyai objektif untuk membentuk Sistem Pengurusan Prestasi yang lengkap serta Sistem Maklumat Eksekutif.



**Penyata Pengerusi**

Pusat Kawalan Muatan Kuasa Nasional - pusat utama bagi menjamin kecekapan dalam penjanaan, penghantaran dan pembahagian tenaga elektrik/  
National Load Despatch Centre - the nerve centre for efficient generation, transmission and distribution of electricity

*"Penjualan tenaga elektrik diramal akan meningkat pada kadar 12.4 peratus setahun bagi tempoh 1990 - 1995"*



## PROSPEK

Meskipun terdapat pelbagai sumber tenaga yang lain, seperti gas yang digunakan secara langsung, tetapi tenaga elektrik dijangka akan terus menjadi sumber tenaga utama bagi kebanyakan penggunaan tenaga. Tenaga elektrik yang mudah didapati dan senang diguna menyebabkan terbentuknya satu tabiat penggunaan pelanggan yang mengutamakan tenaga elektrik lebih daripada sumber-sumber tenaga lain.

Prestasi ekonomi Malaysia yang kukuh meramalkan keadaan yang sangat baik untuk perkembangan permintaan beban tenaga elektrik. Penjualan tenaga elektrik diramal akan meningkat pada kadar 12.4 peratus setahun bagi tempoh 1990 - 1995 dan seterusnya 9.4 peratus setahun untuk tempoh 1995 - 2000, iaitu ketika pertumbuhan ekonomi menjadi sederhana ke paras yang mampu dikekalkan.


Permintaan beban puncak Grid Nasional dijangka melebihi 6,000 MW pada tahun 1995 dan 9,500 MW dalam tahun 2000, berbanding dengan 4,498 MW pada masa sekarang. Peningkatan permintaan yang pesat memberi insentif kepada Syarikat untuk mengkaji keberkesanan kos Demand Side Management (DSM). Perlaksanaan DSM yang berjaya akan menggalakkan penggunaan tenaga elektrik yang lebih berkesan dan memperbaiki penggunaan loji-loji penjanaan kuasa. Hasilnya ialah penjimatan kos kepada Syarikat dan juga pelanggan.

Jawatankuasa Pengurusan mempunyai tugas untuk melaksanakan haluan korporat Tenaga Nasional Berhad, seperti yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah. Ia juga bertanggungjawab untuk memenuhi piagam perniagaan Syarikat seperti yang telah termaktub dalam Misi dan Wawasan Korporat. Berlandaskan skop ini, mereka juga dipertanggungjawab untuk memastikan supaya Syarikat berfungsi untuk menghasilkan keuntungan bagi memenuhi kepentingan para Pemegang Saham.

The Management Committee has the task of effecting the corporate direction of Tenaga Nasional Berhad as dictated by the Board of Directors. It is also responsible for fulfilling the business charter of the Company as laid down in the Corporate Mission and Vision. Within this scope, it is also their duty to ensure that the Company works within a framework of profit in the interest of its Shareholders.

Tan Sri Dato' Haji (Dr) Ani bin Arope  
Pengerusi Eksekutif/Executive Chairman

Dato' Mohamed Ariffin bin Abdul Rahman  
Pengurus Besar Kanan (Operasi)/Senior General Manager (Operations)  
Pengarah Eksekutif/Executive Director

Dato' Mahmud Badri bin Haji Basir  
Pengurus Besar (Perkhidmatan Korporat)/  
General Manager (Corporate Services)

Kamaluddin bin Haji Ibrahim Ali  
Pengurus Besar (Pengurusan Sumber Manusia)/  
General Manager (Human Resource Management)  
Bersara pada 20 Ogos, 1993/Retired on 20 August, 1993

Haji Wan Hussein bin Wan Endut Al-Haj  
Pengurus Besar (Pembangunan Bisnes)/  
General Manager (Business Development)  
Bersara pada 2 Februari, 1993/Retired on 2 February, 1993

Th'ng Yong Huat  
Pengurus Besar (Projek Utama)/  
General Manager (Major Projects)  
Bersara pada 1 Mac, 1993/Retired on 1 March, 1993

Ahmad Abid bin Haji Zainal Abidin  
Pengurus Besar (Penjanaan)/  
General Manager (Generation)

Mohd Yusof bin Haji Ibrahim  
Pengurus Besar (Pembahagian)/  
General Manager (Distribution)

Yeo Hock Keng  
Pemangku Pengurus Besar (Penghantaran)/  
Acting General Manager (Transmission)  
Bersara pada 26 Ogos, 1993/Retired on 26 August, 1993

Haji Wan Ali bin Wan Jaafar (menjalankan tugas/covering the duties of)  
Pengurus Besar (Kewangan)/  
General Manager (Finance)  
Bersara pada 18 Mei, 1993/Retired on 18 May, 1993

Mohd Nasir bin Ismail (menjalankan tugas/covering the duties of)  
Pengurus Besar (Kewangan)/  
General Manager (Finance)

# Penyata Pengerusi

## PENDAHULUAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos, 1993, Syarikat anda, Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang mencapai keteguhan dari ketersediaan tenaga, produktiviti dan prestasi kewangan berupaya menghadapi keadaan tenaga yang terhad, tetapi stabil. Ia berhasil memperolehi keputusan dengan "Nilai Ditambah" yang muktamad.

Syarikat ini masih kekal dengan tanggungjawabnya untuk memenuhi peluang pertumbuhan baru dan ia juga memainkan peranan dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi di Semenanjung Malaysia. TNB turut memberi perhatian terhadap kecekapan penggunaan sumber tenaga dengan kerjasama pelanggan menerusi berbagai program penggunaan tenaga secara cermat. Ini bertujuan untuk mengurangkan ketidakcekapan penggunaan tenaga supaya kuasa elektrik sentiasa tersedia untuk menampung keperluan ekonomi yang semakin berkembang.

Ekonomi Malaysia bertambah kukuh dan mengalami peningkatan pertumbuhan sebanyak 8.0 peratus. Tahun ini merupakan satu lagi tahun yang memuaskan kepada industri tenaga kerana permintaan elektrik masih mendahului perkembangan KDNK.

Kakitangan terus memberi tumpuan untuk memperbaiki proses perniagaan baru yang telah memperlihatkan pencapaian kemajuannya dalam tahun ini. Dengan peranan mereka, kami telah mencapai kemajuan besar untuk mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan bagi memenuhi keperluan pelanggan yang semakin berkembang. Kini TNB berada dalam kedudukan yang lebih bersedia untuk mengambil peluang dari pertumbuhan yang dijangka akan diperolehi dalam tahun-tahun akan datang.

Dengan pencapaian keuntungan yang berterusan dalam tahun ketiga berturut-turut, falsafah kami sebagai warga korporat "untuk menyumbang semula sesuatu" kepada masyarakat tempat kami beroperasi merangkumi program alam sekitar, projek dan aktiviti kemasyarakatan serta tanggungjawab terhadap keselamatan dalam semua bidang operasi kami.

Nampaknya, pendekatan kami dalam falsafah perniagaan sejak diperbadarkan telah menunjukkan kesan. Oleh yang demikian, saya dengan sukacitanya ingin melaporkan bahawa prestasi yang cemerlang ini adalah hasil daripada dedikasi, bakat dan kemahiran sumber tenaga manusia yang berjumlah 22,767 orang.

Keputusan yang diperolehi dengan sendiri membuktikannya.

## PRESTASI KEWANGAN

Malaysia terus menikmati pertumbuhan ekonomi yang teguh dalam Tahun Kewangan 1992/93. Di TNB, jangkamasa ini merupakan satu cabaran kerana pertumbuhan jualan dalam kWj sebanyak 12.6 peratus telah meningkatkan tekanan terhadap bekalan tenaga. Kami dengan sukacitanya ingin mengumumkan bahawa bekalan tenaga yang terhad pada awal tahun telah semakin pulih. Berasaskan kepada latar belakang ini, kami dengan sukacitanya mengumumkan bahawa Kumpulan dan Syarikat telah mencatatkan keputusan yang amat membanggakan -


Kumpulan mencatatkan perolehan sebanyak RM 5.03 ribu juta, sementara Syarikat pula sebanyak RM 5.01 ribu juta. Ini merupakan peningkatan sebanyak 17 peratus kepada Kumpulan dan Syarikat.

Keuntungan sebelum cukai untuk Kumpulan dan Syarikat meningkat sebanyak 31 peratus, dengan Kumpulan memperolehi RM 1.85 ribu juta, manakala Syarikat pula sebanyak RM 1.84 ribu juta.

Keuntungan Selepas Cukai dan kepentingan minoriti bagi Kumpulan meningkat kepada RM 1.53 ribu juta manakala bagi Syarikat pula meningkat kepada RM 1.52 ribu juta. Ini merupakan peningkatan sebanyak 33 peratus berbanding dengan pencapaian dalam tahun sebelumnya.

Punca utama peningkatan pendapatan ini adalah dari pertumbuhan jualan elektrik yang berterusan teguh, iaitu sebanyak 12.6 peratus, peningkatan kecil Harga Jualan Purata sebanyak 4.7 peratus, iaitu kepada 18.91 sen dan pertukaran secara berterusan kepada penjanaan bakaran gas yang lebih cekap.

Sejak tiga tahun lalu prestasi keuntungan Kumpulan telah meningkat. Tahun 1991, Kumpulan telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM 702 juta, tahun 1992 sebanyak RM 1.41 ribu juta dan dalam Tahun Kewangan berakhir 31 Ogos 1993 melonjak lebih tinggi lagi kepada RM 1.85 ribu juta walaupun kadar tarif tidak berubah sejak tahun 1987 dan peningkatan harga minyak bahan api.



Pengerusi Eksekutif/Executive Chairman, Tan Sri Dato' Haji (Dr) Ani bin Arope

"Kumpulan mencatatkan perolehan sebanyak RM 5.03 ribu juta, sementara Syarikat pula sebanyak RM 5.01 ribu juta. Ini merupakan peningkatan sebanyak 17 peratus kepada Kumpulan dan Syarikat. Keuntungan sebelum cukai untuk Kumpulan dan Syarikat meningkat sebanyak 31 peratus, dengan Kumpulan memperolehi RM 1.85 ribu juta, manakala Syarikat pula sebanyak RM 1.84 ribu juta"



Bangunan Sultan Abdul Samad di Dataran Merdeka bermandikan cahaya/  
The ceremonious bright lights of the Sultan Abdul Samad building at Merdeka Square



### Produktiviti

Produktiviti dari segi bilangan unit penjanaan menunjukkan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 13.7 peratus, sementara bilangan unit jualan pula meningkat sebanyak 14 peratus setiap tahun, meningkat dua kali ganda sejak tahun 1987, iaitu dalam jangkamasa dari 1 September 1986 hingga 31 Ogos 1993.

Peningkatan jualan, kecekapan dan peningkatan produktiviti serta kemungkinan pertambahan pendapatan melalui kepelbagaiannya yang sedang diterokai oleh Syarikat akan memantapkan lagi TNB.

Program 'American Depository Receipts' (ADR) yang sedang diuruskan oleh Syarikat akan juga menambahkan lagi kecenderungan terhadap saham TNB.

### Harta Tetap

Harta Tetap Syarikat telah berkembang kepada RM 17,437 juta, meningkat sebanyak 16.6 peratus berbanding dalam tahun sebelumnya. Harta bersih sesaham pula ialah sebanyak RM 3.86.

### Pinjaman

Dalam tahun ini, tunggakan pinjaman Syarikat telah berkurangan kepada RM 5,383 juta berbanding dengan RM 5,810 juta pada akhir tahun sebelumnya. Sementara itu, dana pemegang saham meningkat kepada RM 11,542.2 juta.

### Perbelanjaan Modal

Syarikat menanggung perbelanjaan modal sebanyak RM 3,076.0 juta dalam tahun ini, berbanding dengan RM 2,391 juta dalam tahun sebelumnya.

### Matawang Asing

Dalam tahun ini, Syarikat memperolehi keuntungan sebanyak RM 8 juta dari Pertukaran Matawang Asing.

### Memberi Diskaun Sebagai Warga Korporat Bertanggungjawab

Sebelum diperbadankan lagi Syarikat telah secara aktif terlibat dalam pemberian subsidi kepada beberapa kategori pelanggan seperti industri, hotel, lombong, lampu awam, institusi pendidikan, keagamaan dan kebajikan, iaitu dalam bentuk diskauan bagi menyokong usaha kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara yang menghadapi kemelesetan pada pertengahan tahun lapan puluhan. Ia juga bertujuan untuk membantu membangunkan negara. Sungguhpun pemberian diskauan ini menyebabkan Syarikat mengalami kekurangan pendapatan sebanyak RM 207.9 juta dalam tahun kewangan ini, kami yakin bahawa itu merupakan satu peranan yang harus dipikul sebagai warga korporat yang bertanggungjawab bagi menyokong usaha kerajaan dalam menjayakan Wawasan 2020.

### PEMEGANG SAHAM

Jumlah pemegang saham Syarikat telah berkurangan kepada 157,032 pada akhir tahun ini berbanding dengan 199,305 dalam tempoh yang sama sebelumnya. Pemegangan saham di kalangan Bumiputera ialah sebanyak 39.97 peratus. Sementara itu, pegangan saham institusi juga turut berkurangan, iaitu dari 1,880 dalam tahun 1992 kepada 1,600 dalam tahun 1993. Minat pelabur asing pula menunjukkan arah aliran yang semakin meningkat, dengan pegangan saham yang bertambah dari 195 dalam tahun 1992 kepada 280 dalam tahun 1993. Menteri Kewangan Diperbadankan masih merupakan pemegang saham terbesar dengan pegangan kepentingan sebanyak 73.24 peratus.

### PRESTASI SAHAM

Walaupun ramalan yang dibuat tidak meyakinkan, namun saham Syarikat tetap menunjukkan prestasi yang memuaskan dalam tahun ini. Harganya meningkat dari RM 9.65 dalam tahun kewangan sebelumnya, memuncak kepada RM 11.10 pada 5,20 dan 22 Ogos, 1993 dan seterusnya mengakhiri tahun kewangan ini pada harga RM 10.60.

Harga saham masih melonjak dan mencatatkan paras tertinggi sebanyak RM 13.90 pada 15 November, 1993. Ini merupakan satu petanda yang membawa manfaat kepada Syarikat dan pemegang saham.

Pada umumnya, harga tersebut mengikut arah aliran dalam pasaran yang kebanyakannya dipengaruhi oleh peristiwa di dalam dan luar negeri. Masalah kesulitan tenaga elektrik telah dikurangkan pada akhir tahun kewangan setelah lebih banyak kuasa elektrik ditambah ke Grid Nasional. Ini juga menyebabkan lebihan yang selesa dapat dikenakan. Keyakinan pelanggan pulih kembali dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang berterusan.

Pengumuman keputusan kewangan setengah tahun Syarikat yang tidak diaudit pada awal bulan Mei 1993 juga menunjukkan bahawa prestasi korporat masih kekal seperti yang dijangkakan. Ini telah mempengaruhi keteguhan harga saham Syarikat.

### PERTUKARAN PARADIGMA

Syarikat telah melalui satu pertukaran paradigma, iaitu berubah dari sebuah syarikat kerajaan kepada sebuah syarikat senaraian awam dan dari sebuah badan yang berkewajipan sosial menjadi sebuah badan yang memikul tanggungjawab komersial yang strategik. Bagi menyesuaikan dirinya dengan iklim peniagaan tahun sembilan puluhan yang pesat berkembang, penyusunan semula organisasi iaitu dari struktur pengurusan hierarki kepada struktur pengurusan bercorak landai dan dari pengurusan berbentuk birokrasi kepada pengurusan yang lebih berdasarkan proses.

Perhatian yang lebih berat juga diberikan terhadap mutu perkhidmatan pelanggan. Komunikasi berbentuk dari atas ke bawah telah diperbaiki lagi dengan penglibatan Pengurusan secara lebih erat dalam sesi dialog yang kerap diadakan dengan Kakitangan. Pendidikan, latihan dan pembangunan sumber tenaga manusia telah dijadikan satu proses yang berterusan.





"Saham Syarikat tetap menunjukkan prestasi yang memuaskan dalam tahun ini. Harganya meningkat dari RM 9.65 dalam tahun kewangan sebelumnya, memuncak kepada RM 11.10 pada 5, 20 dan 22 Ogos, 1993 dan seterusnya mengakhiri tahun kewangan ini pada harga RM 10.60"



### **UNIT PERNIAGAAN STRATEGIK, USAHA PERNIAGAAN DAN UNIT PERNIAGAAN**

Seajar dengan keperluan untuk menyusun semula TNB bagi mencapai daya saingan, Lembaga Pengarah telah meluluskan pembentukan tiga unit niaga strategik dalam Syarikat yang meliputi bahagian Penjanaan, Penghantaran dan Pembahagian. Usaha perubahan dalam pengurusan ini melibatkan pengaturan semula proses untuk menukar unit niaga strategik tersebut menjadi satu entiti perniagaan yang berdaya maju secara komersial. Lawatan kajian ke badan-badan dan syarikat kemudahan awam di seberang laut telah diadakan untuk mempelajari tentang amalan praktikal sebagai panduan dan seterusnya melaksanakan inisiatif strategik yang disyorkan. Teras perniagaan dari Penjanaan, Penghantaran dan Pembahagian akan dibantu sepenuhnya oleh semua fungsi perkhidmatan sokongan bagi memastikan kejayaannya.

Seiring dengan pengurusan strategik ini juga, Usaha Perniagaan dan Unit Niaga baru telah dibentuk dan masing-masing beroperasi secara bersendirian. Usaha Perniagaan baru yang telah dibentuk ialah Tenaga Nasional Properties Sdn Bhd, Tenaga Nasional Research and Development Sdn Bhd dan Tenaga Nasional Engineering Services Sdn Bhd.

Unit Niaga baru yang ditubuhkan setakat ini pula meliputi Perkhidmatan Keselamatan, Institut Latihan Sultan Ahmad Shah (ILSAS), Teknologi Maklumat dan Komunikasi Korporat. Lebih banyak jabatan lain dalam Syarikat sedang dirancang untuk dijadikan sebagai Usaha Perniagaan atau Unit Niaga pada masa akan datang.

## PENGURUSAN KRISIS

### Tinjauan

Berbagai perubahan ketara telah berlaku di Malaysia sejak lima tahun kebelakangan ini berbanding dengan sepuluh tahun lepas. Semasa Kerajaan Malaysia merangka Rancangan Malaysia Keenam (1991-95), ia telah menggubal satu pelan induk untuk diikuti oleh semua pihak. Apa yang sepatutnya dicapai dalam jangkamasa lima tahun, kini telah dicapai oleh rakyat Malaysia dalam tempoh setengah daripada jangkamasa tersebut. Kejayaan ini merupakan sesuatu yang membanggakan negara, tetapi pembangunan yang amat pesat ini sudah tentu akan membawa kesan kepada kemampuan untuk menyediakan infrastruktur negara.

Pelanggan mega dan mikro di antara 1 September, 1992 hingga 31 Ogos, 1993 telah meningkat mengakibatkan pertambahan besar pada asas pelanggan kami. Seramai 213,430 pelanggan baru telah disambungkan. Industri-industri yang sedia ada juga sedang mengalami perkembangan pada kadar yang amat menggalakkan.

Disamping itu, adalah kelihatan bahawa Malaysia kini sedang pesat bertukar dari sebuah negara berdasarkan komoditi kepada sebuah negara perindustrian. Dalam suasana sedemikian, keperluan tenaga elektrik semestinya dikehendaki untuk industri-industri baru.

### Pasukan Pengurusan Krisis

Apabila keadaan kekurangan tenaga semakin ketara, satu Pasukan Pengurusan Krisis telah ditubuhkan dalam bulan Januari 1993, diketuai oleh Pengerusi Eksekutif. Ia bertujuan untuk menyelesaikan masalah kekurangan tenaga yang dialami oleh Syarikat pada waktu beban puncak. Pasukan ini telah diarahkan supaya meneliti semua cara yang ada untuk mencari penyelesaian segera terhadap cabaran yang dihadapi. Ini meliputi perlaksanaan pembinaan projek-projek penjanaan mengikut landasan pantas. Di bawah program ini, TNB telah mencatatkan sejarah apabila ia mengangkut peralatan loji janakuasa mampat seberat 90 tan melalui udara. Projek ini telah disiapkan dalam tempoh lima bulan sahaja, satu bulan lebih awal dari yang dijadualkan.

Pasukan ini juga telah diarahkan supaya mengadakan rundingan dengan Kerajaan Singapura dan Thailand untuk pembelian tenaga elektrik bagi memenuhi permintaan puncak waktu siang. Rundingan ini telah berhasil dengan satu perjanjian ditandatangani dalam bulan Ogos 1993 dengan Public Utilities Board, Singapore untuk memperolehi 100 MW kuasa elektrik bagi memenuhi permintaan puncak waktu siang untuk selama enam bulan.

### Komunikasi

Pasukan Pengurusan Krisis mengadakan pertemuan setiap minggu bagi mengawasi arah aliran dan menyelesaikan berbagai isu. Perhubungan dengan masyarakat luar juga diadakan untuk memberitahu mereka tentang kemajuan projek-projek yang akan dilaksanakan. Di sepanjang tempoh ini, pihak media telah diberitahu tentang perkembangan terbaru serta langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan masalah kekurangan tenaga elektrik.


### Krisis Selesai

Dengan usaha jitu Pasukan Pengurusan Krisis yang melibatkan semua peringkat Kakitangan di TNB, keadaan kesulitan Tenaga telah dapat diatasi menjelang bulan Ogos 1993.

Syarikat mengucapkan terima kasih kepada semua Kakitangan TNB serta para Pelanggan yang kami hargai di atas kerjasama dan persefahaman mereka ketika menghadapi krisis tersebut.



"Dengan usaha jitu Pasukan Pengurusan Krisis yang melibatkan semua peringkat Kakitangan di TNB, keadaan kesulitan Tenaga telah dapat diatasi menjelang bulan Ogos 1993"



TNB telah mencatatkan sejarah apabila syarikat mengangkut peralatan loji janakuasa mampat seberat 90 tan melalui udara/ The Fast Track Plant- Up Programmes saw, for the first time in TNB history, the air freighting of 90 tons of concentrated power plant equipment



"Gambaran yang optimistik tentang perkembangan ekonomi secara berterusan juga dijangka akan menyebabkan peningkatan jualan elektrik melebihi 12.0 peratus dalam tahun 1994"

## PROSPEK & PERKEMBANGAN

Keteguhan prestasi ekonomi Malaysia membawa prospek yang cemerlang bagi perkembangan permintaan elektrik. Gambaran yang optimistik tentang perkembangan ekonomi secara berterusan juga dijangka akan menyebabkan peningkatan jualan elektrik melebihi 12.0 peratus dalam tahun 1994. Untuk jangkamasa seterusnya pula adalah diramalkan jualan elektrik akan meningkat dua kali ganda menjelang akhir dekad ini, dengan pertumbuhan purata sebanyak 10.2 peratus setahun.

Kehendak maksimum pada Grid Nasional pula dijangka akan meningkat daripada 4,971 MW sekarang kepada 5,600 MW dalam tahun 1994, iaitu bertambah sebanyak 629 MW. Menjelang akhir dekad ini, kehendak maksimum dijangka akan melebihi 9,500 MW. Ini menunjukkan pertambahan purata sebanyak kira-kira 650 MW setiap tahun sepanjang tempoh tersebut.

Lonjakan permintaan yang begitu pesat mendorong Syarikat untuk membuat penyiasatan tentang opsyen keberkesanan kos "Demand Side Management" (DSM). DSM akan menggalakkan penggunaan elektrik secara berkesan dan memperbaiki penggunaan loji-loji penjanaan dengan cara yang lebih cekap lagi. Ini akan dapat menghasilkan penjimatan kos kepada para Pelanggan dan Syarikat.

Syarikat akan meneruskan dasar-dasar penggunaan bahanapi yang paling rendah kosnya dan mempelbagaikan penggunaan bahanapi dalam perancangan loji-loji penjanaan akan datang dengan memberi penekanan kepada penggunaan gas asli. Selaras dengan dasar empat sumber kami, pergantungan kepada bahanapi minyak dalam campuran penjanaan akan dikurangkan dengan menggunakan gas asli, arang batu dan hidro untuk penjanaan elektrik.

Hasil daripada komitmen TNB terhadap rancangan pembangunannya, keupayaan terpasang dalam sistem ialah sebanyak 5,909 MW (setakat 31 Ogos, 1993) akan meningkat kepada 9,575 MW menjelang akhir tahun 1997. Ia akan melibatkan pemasangan loji hidro 655 MW dan loji haba 3,666 MW. Walau bagaimanapun, ia tidak termasuk penjanaan yang akan dihasilkan oleh Pengeluar Tenaga Bebas.

Grid Nasional akan diperkuuhkan lagi dengan perlaksanaan talian penghantaran 500 MW dari Utara ke Selatan. Fasa pertama yang meliputi sektor Pelabuhan Klang - Rawang - Lumut-Gurun dan sektor Pasir Gudang - Yong Peng yang akan dimulatugas sebelum tahun 2000.

TNB dan Electricity Generating Authority of Thailand (EGAT) telah bersetuju untuk bersama-sama melaksanakan peringkat kedua penyambungan tenaga elektrik antara negara menjelang tahun 1997 menggunakan teknologi penghantaran "High Voltage Direct Current" (HVDC), iaitu yang pertama diperkenalkan di ASEAN.

Kajian secara terperinci telah dilakukan oleh TNB dan Perbadanan Perbekalan Elektrik Sarawak (SESCO) untuk melaksanakan fasa pertama projek penyambungtar HVDC Sarawak - Semenanjung Malaysia (1,000 MW) menjelang tahun 2005. Ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan ke arah pembinaan Grid Tenaga ASEAN.

Untuk menangani masalah masa depan yang lebih kritikal, baru-baru ini, TNB melalui perunding komunikasinya telah menyiapkan Penyelidikan Luaran. Penemuan yang diperolehi mendedahkan bahawa rakyat Malaysia lebih menilai terhadap mutu perkhidmatan pelanggan daripada perkara lain. Dengan demikian, Perkhidmatan Pelanggan akan diberi keutamaan sambil melangkah ke depan dalam era penswastaan untuk menjadikan Syarikat ini sebuah syarikat Malaysia yang terkemuka.

Kami mempunyai berbagai rancangan. Sebahagian besar daripada Kakitangan kami akan menjalani latihan secara berperingkat-peringkat dalam bidang Pengawasan Mutu Secara Menyeluruh. Dengan latihan ini, setiap Kakitangan akan mempunyai pengetahuan amali yang secukupnya tentang proses peningkatan mutu secara berterusan menjelang akhir fasa perubahan yang kami jalani. Peluang akan diberi kepada setiap orang untuk menggunakan pengetahuan yang mereka miliki untuk menyumbang ke arah memperbaiki keutamaan TNB, iaitu Perkhidmatan Pelanggan.

## **Penyata Pengerusi**

### **PENCAPAIAN MELEBIHI KEUNTUNGAN**

#### **Perhubungan Kemasyarakatan**

Penyelidikan Luaran yang dijalankan baru-baru ini mendapatihawa rakyat Malaysia meletakkan pendidikan sebagai keutamaan paling tinggi yang mereka ingin lihat dijalankan oleh syarikat-syarikat besar. Oleh yang demikian, latihan telah diutamakan oleh TNB sebagai tugas warga korporat yang bertanggungjawab. Syarikat sedang mempertingkatkan Institut Latihan Sultan Ahmad Shah (ILSAS) yang telah merayakan ulang tahun ke 10 tahun ini bagi menambahkan lebih banyak lagi kemudahan latihannya.

Dalam tahun kewangan ini, Yayasan Tenaga Nasional dengan peruntukan sebanyak RM 40 juta telah dilancarkan secara rasmi di ILSAS oleh Menteri Kewangan, YB Dato' Seri Anwar Ibrahim pada 6 Julai, 1993. Yayasan ini merupakan salah satu tugas kemasyarakatan yang diwujudkan oleh TNB bagi membantu kerajaan menjadikan Wawasan 2020 satu realiti dari segi pembentukan tenaga mahir pada masa depan.

Yayasan Tenaga Nasional menyediakan biasiswa kepada para pelajar yang memerlukannya dan bagi mengurangkan masalah yang dihadapi oleh pelajar miskin. Ia juga bertujuan untuk menyemai dan mempertingkatkan taraf pendidikan di negara ini. Di samping itu, tabung ini juga akan digunakan untuk memperkayakan kumpulan intelek, meningkat mutu pendidikan fizikal dan kebajikan para pelajar yang memerlukan bantuan.

Yayasan Tenaga Nasional ditadbirkan oleh sebuah Lembaga Pemegang Amanah yang terdiri dari pemimpin korporat dan pakar pendidik yang terkemuka. Saya menghormati kepercayaan yang diberikan kepada saya untuk mempengerusikan Lembaga ini yang ahli-ahlinya terdiri daripada -

- i. Raja Tan Sri Zainal bin Raja Sulaiman
- ii. Dato' Megat Abdul Rahman bin Megat Ahmad
- iii. Dato Chan Keong Hon
- iv. Dato' Mahadev Shankar
- v. Profesor DiRaja Ungku Aziz
- vi. Dato' Mohd Noordin bin Hassan
- vii. Nik Ahmad bin Haji Nik Hassan

Selain daripada itu, TNB telah menaja sebanyak RM 1.5 juta dalam berbagai acara sukan, pendidikan, kebajikan sosial, budaya dan kesenian dan Skim Usahawan Muda untuk faedah masyarakat.

#### **Alam Sekitar**

TNB amat prihatin terhadap kesan kepada alam sekitar dalam proses pengeluaran tenaganya dan berusaha untuk membendung kesan tersebut sebaik mungkin. Sejakar dengan kesedaran rakyat Malaysia yang semakin peka untuk melindungi alam sekitar, kami di TNB turut memainkan peranan penting dalam industri ini bagi mengurus pembuangan sisa pada tahap yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia.

Syarikat terus menjalin hubungan rapat dengan Jabatan Alam Sekitar bagi memastikan supaya alam sekitar di sekeliling operasi kami diurus dengan sewajarnya. Bagi mencapai matlamat ini, kami telah merangka satu program alam sekitar jangka panjang yang menyeluruh untuk mengumpul data mengenai mutu sisa buangan dalam air dan di udara yang dilepaskan melalui saluran di semua loji tenaga, selaras dengan Peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Sejakar dengan tanggungjawab korporat kami, sebelum stesen-stesen janaelektrik dan sistem penghantaran baru dibina, kajian akan dibuat terlebih dahulu untuk menilai kesannya terhadap alam sekitar. Ia melibatkan penyertaan organisasi alam sekitar bebas dari dalam dan luar negeri. Tahap pencemaran alam sekitar juga turut diawasi secara rapi sepanjang jangka hayat stesen janaelektrik tersebut.

Berhubung dengan keselamatan dan kesihatan perindustrian pula, Syarikat juga turut mematuhi Akta Kilang dan Jentera 1967. Kakitangan sentiasa diingatkan untuk meletakkan keselamatan sebagai perhatian utama. Usaha-usaha secara berterusan melalui seminar, program latihan, poster dan buletin sentiasa disediakan bagi memperbaiki keselamatan dan kesihatan perindustrian pada semua Kakitangan.

**"TNB amat prihatin terhadap kesan kepada alam sekitar dalam proses pengeluaran tenaganya dan berusaha untuk membendung kesan tersebut sebaik mungkin"**





Pusat Kawalan Muatan Kuasa Nasional — Pusat utama bagi menjamin kecekapan dalam penjanaan, penghantaran dan pembahagian tenaga elektrik

The National Load Despatch Centre — the nerve centre for the efficient generation, transmission and distribution of electricity

"Pembaharuan, tanggungjawab yang berkesungguhan, melatih sumber tenaga manusia dengan alat-alat dan kemahiran untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada para pelanggan, sikap berhati-hati dalam pengawalan kos, cepat menyesuaikan Syarikat kepada perubahan dalam persekitaran perniagaan yang semakin berkembang adalah cara kami memenuhi wawasan korporat. Malah inilah caranya bagaimana TNB akan mengembangkan perniagaannya secara berterusan dan mengekalkan peranan dalam menyediakan "Nilai DiTambah" yang memanfaatkan para Pemegang Saham dan Rakyat Malaysia"



## MASA DEPAN

Pembaharuan, tanggungjawab yang berkesungguhan, melatih sumber tenaga manusia dengan alat-alat dan kemahiran untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada para pelanggan, sikap berhati-hati dalam pengawalan kos, cepat menyesuaikan Syarikat kepada perubahan dalam persekitaran perniagaan yang semakin berkembang adalah cara kami memenuhi wawasan korporat. Malah inilah caranya bagaimana TNB akan mengembangkan perniagaannya secara berterusan dan mengekalkan peranan dalam menyediakan "Nilai Ditambah" yang memanfaatkan para Pemegang Saham dan Rakyat Malaysia.

## PENGHARGAAN

Tahun lalu merupakan satu cabaran yang amat hebat kepada kami semua di Tenaga Nasional Berhad. Ketekunan dan kesungguhan Kakitangan telah menjadi tenaga pendorong utama kepada Syarikat sepanjang jangka masa tersebut.

Saya bagi pihak Ahli Lembaga Pengarah dengan sukacitanya menyampaikan ucapan terima kasih kepada Pasukan Pengurusan dan Kakitangan kerana kesungguhan, ketaatan serta tahap komitmen dan minat mereka yang tinggi yang telah menyebabkan Syarikat kita mencapai kejayaan sepanjang tahun lepas. Lembaga Pengarah juga merakamkan penghargaan mereka kepada Kerajaan Malaysia kerana kepercayaan dan keyakinan mereka terhadap Lembaga Pengarah untuk mentadbir Syarikat.

Kepada para Pengarah yang telah bersara atau meletakkan jawatan, saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas sumbangan dan kerjasama mereka yang amat bernilai semasa memegang jawatan. Saya juga ingin mengalu-alukan para Pengarah dan Pengarah Pengganti baru ke dalam Lembaga Pengarah.

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada para Ahli Lembaga Pengarah di atas nasihat mereka yang tidak ternilai dan para pemegang saham, pelanggan, pembekal dan kontraktor yang kami hargai serta pihak-pihak lain yang terlibat kerana sumbangan dan sokongan mereka yang berterusan.

Tan Sri Dato' Haji (Dr) Ani bin Arope  
PENGERUSI EKSEKUTIF

25 November, 1993

# Chairman's Statement

## INTRODUCTION

For the financial year ending 31 August, 1993, your Company Tenaga Nasional Berhad (TNB) drew from its strengths, namely - available power, productivity and financial performance - to weather down a tight but stable energy situation and come up with results of absolute Added Value.

The Company remains committed to meeting new growth and is a strong player in promoting economic growth in Peninsular Malaysia. TNB has emphasised the efficient use of the Company's power resources, working with customers through a variety of prudent energy-use programmes to reduce inefficient uses of energy so that power is available for a growing economy.

The Malaysian economy strengthened further with growth increasing by 8.0 per cent. For the energy industry, it was another good year as electricity demand continued to outpace GDP growth.

Our Employees have remained focussed on continuing to improve our new business processes which saw improvements made to it during the year. Through their efforts, we made significant improvements to greatly expand our responsiveness to the growing demands of our customers. Now we are well positioned to seize the growth opportunities we anticipate will come our way in the years ahead.

And as we continued into our third year of profits, our philosophy as corporate citizens "to give something back" to the communities in which we operate, have been through environmental programmes, community projects and activities, and an aggressive commitment to safety in all of our operations.

The best news is that our methodical approach in business philosophy since corporatisation, works. I am therefore pleased to report this admirable performance rendered through the commitment, talent and skill of your 22,767 strong human resource.

The results speak for itself.

## FINANCIAL PERFORMANCE

The Financial Year 1992/93 was a period where the country continued to post strong economic growth. At TNB, this translated to a challenging year where kWh sales grew by 12.6 per cent, resulting in increased pressures on the supply side. We are pleased to note that the supply constraints reported in the early part of the year have improved. It is against this backdrop that we are especially pleased to announce that the Group and the Company posted strong commendable results.

The turnover for the Group and Company rose by 17 per cent from the previous year to RM 5.03 billion and RM 5.01 billion respectively;

The pretax profit saw a strong 31 per cent growth to RM 1.85 billion and RM 1.84 billion respectively for the Group and the Company.

The Profit After Tax and Minority Interests increased to RM 1.53 billion and RM 1.52 billion for the Group and Company respectively. This represents a healthy 33 per cent increase from the previous year.

The main drivers for the earnings rise have been the continuing strong growth in electricity sales of 12.6 per cent, a marginal increase in the Average Selling Price by 4.7 per cent to 18.91 sen and a continuing shift to more efficient gas-fired generation.

In the three years after corporatisation, TNB has consistently posted strong growth in earnings from a Group profit before tax of RM 702 Million in 1991, surging to RM 1.41 billion in 1992 and now to RM 1.85 billion for the Financial Year ended 31 August 1993, despite of the fact that there has been no change in tariff structure since 1987 and there was gradual increase in fuel oil prices.

**"The turnover for the Group and Company rose by 17 per cent from the previous year to RM 5.03 billion and RM 5.01 billion respectively. The pretax profit saw a strong 31 per cent growth to RM 1.85 billion and RM 1.84 billion respectively for the Group and the Company"**





Menerangi Lebuhraya  
Lighting the Highway

## **Productivity**

Productivity in terms of number of units generated and number of units sold per employee has more than doubled since 1987, registering compounded annual growth rates of 13.7 per cent and 14 per cent respectively during the period 1 September, 1986 to 31 August, 1993.

Improved sales and efficiency, higher productivity and possible expansion of income from diversification paths being explored by TNB, will continue to put the Company in good stead.

The American Depository Receipts (ADR) programme pursued by the Company will also create additional demand on our shares.

## **Fixed Assets**

Fixed assets of the Company expanded to RM 17,437 million, an increase of 16.6 per cent over the previous year while net asset per share was RM 3.86.

## **Loans**

Loans outstanding of the Company decreased to RM 5,383 million at the end of the year, compared to RM 5,810 million at the end of the previous year, while shareholders' funds increased to RM 11,542.2 million.

## **Capital Expenditure**

The capital expenditure of the Company for the year was RM 3,076.0 million compared to RM 2,391 million in the previous year.

## **Forex**

During the year the Company made an RM 8 million Foreign Exchange Gain.

## **Corporate Citizenship In Line With Discounts**

The Company even before its corporatisation has been actively involved in subsidising certain categories of customers such as the industries, hotels, mines, public lighting, educational, religious and welfare institutions, in the form of discounts to support the government drive to revive the nation's economy which went into a trying time in the mid eighties as well as nation building. While discounts have cost the Company a hefty RM 207.9 million for this financial year, we believe the Company is obliged to play its part in corporate citizenship as well as supporting the government's efforts towards Vision 2020.

## **SHAREHOLDERS**

The Company's shareholder base reduced to 157,032 as at the close of the year compared with a previous 199,305 over the same corresponding period. Shareholding among the Bumiputeras stood at 39.97 per cent. There was a decrease in institutional shareholding in the Company from 1880 in 1992 to 1600 in 1993. Foreign interest had been on the uptrend with their shareholding increasing from 195 in 1992 to 280 in 1993. The Minister of Finance Incorporated continued to be the majority shareholder with a stakeholding at 73.24 per cent.

## **SHARE PERFORMANCE**

Despite what the sceptics predicted, the shares of the Company performed well during the year. Its price climbed steadily from RM 9.65 from the previous financial year to a peak of RM 11.10 on the 5, 20 and 22 August, 1993 and finished the financial year at RM 10.60.

The share price continues to escalate, having reached an all time closing high of RM 13.90 on 15 November, 1993. This augurs well for the Company and its Shareholders.

In general, the price followed the market trend which was largely influenced by both domestic and international events. As more power was added to the National Grid and comfortable margins maintained, the energy shortage was alleviated just before the close of the year. Confidence was restored and economic growth continued to escalate in Malaysia.

The announcement of the Company's mid year unaudited results in early May 1993 also showed that corporate performance was on track. As a result, all these had a propping influence on the share price.

### PARADIGM SHIFT

The Company went through a paradigm shift, changing from a government enterprise to a public-listed company, and from a social obligation to a strategic commercial obligation. In adapting to a fast changing business environment of the nineties, there was reorganisation and restructuring at TNB - from a hierarchical to a flat management structure, and from a bureaucratic to a more process-based style.


There was also increased attention on the customer and the quality of service. Top-down communications were improved with greater Management cohesiveness in regular dialogues with Employees. Education, training and human resource development became an on-going process.


### STRATEGIC BUSINESS UNITS, BUSINESS ENTERPRISES AND BUSINESS UNITS

In line with the need for restructuring TNB for competitive advantage, the Board of Directors had approved the formation of three strategic business units (SBUs), namely, the Generation, Transmission and Distribution divisions of the Company. Change management efforts viz, the re-engineering of processes are on-going to transform the SBU's into independent, commercially viable business concerns. Study visits to progressive utilities and companies abroad were made to learn on best practices for the purposes of benchmarking and eventually implementing the strategic initiatives recommended. The core businesses of Generation, Transmission and Distribution would be ably and fully assisted by all support service functions.

In line with strategic management, new Business Enterprises (BEs) and Business Units (BUs) were created and operated on a stand alone basis. The new BEs created are Tenaga Nasional Properties Sdn Bhd, Tenaga Nasional Research and Development Sdn Bhd and Tenaga Nasional Engineering Services Sdn Bhd.

New BUs formed thus far are Security Services, Sultan Ahmad Shah Training Institute (ILSAS), Information Technology and Corporate Communications. More departments in the Company are in the pipeline to be turned into BEs or BUs in the near future.





Alat pengawas automatik dan berkomputer yang berteknologi tinggi di Stesen Janaelektrik Tuanku Jaafar, Port Dickson/  
High-Technology with automated and computerised monitors in the Tuanku Jaafar Power Station, Port Dickson



"Through the concerted efforts of the Crisis Management Team which involved all levels of Employees at TNB, the major energy issues were resolved by August 1993"



## CRISIS MANAGEMENT

### Overview

Many profound changes have transpired in Malaysia in the last five years than say in the past ten years. When the Malaysian government developed the Sixth Malaysia Plan (1991 - 95), they had mapped out a master blueprint for all to follow. What was supposed to have taken five years to achieve, has now been accomplished by Malaysians in half that time. Commendable that this may be for the nation, there is also a price to pay for the fast-paced development when certain elements of the national infrastructure are strained by this phenomenal growth.

There has been a significant increase in our customer base with the link-up of new mega and micro customers between 1 September, 1992 until 31 August, 1993 - 213,430 new customers had been connected. The existing industries are also expanding at a tremendous rate.

In addition, when one considers that Malaysia is now fast switching from a commodities base to an industrialised state, mercurial mights of power would be needed by the new industries.

### Crisis Management Team

And when it became obvious that the energy situation was being over subscribed, a Crisis Management Team was formed in January 1993 headed by the Executive Chairman to resolve the problems arising from the energy shortage experienced by the Company during peak hours. The team was directed to examine all avenues for a quick solution to the challenge. These included the implementation of the Fast Track Plant-Up Programmes which saw, for the first time in TNB history, the air freighting of 90 tons of concentrated power plant equipment and the completion of the project within a record time of five months, a month ahead of schedule.

The team was also directed to negotiate with the Governments of Singapore and Thailand for the purchase of electricity to meet TNB's day peak demands. This direction met with success when an agreement was signed with the Public Utilities Board of Singapore to secure 100 MW of electricity to meet TNB's day peak demand for a period of six months from August, 1993.

### Communications

The Crisis Management Team met weekly to monitor trends and resolve major issues at hand. Open communications with external audiences were given priority with emphasis on key announcements such as the Fast Track Programmes adopted by TNB. Throughout the period, the media were kept abreast with the latest developments to resolve current shortages.

### Crisis Resolved

Through the concerted efforts of the Crisis Management Team which involved all levels of Employees at TNB, the major energy issues were resolved by August 1993.

On this note, the Company is grateful to all TNB Employees as well as our valued Customers for their cooperation and understanding during the tight but stable times.

### PROSPECTS & DEVELOPMENT

The strong performance of the Malaysian economy augurs excellent prospects for the expansion of electricity demand. Reflecting the optimism for continued expansion of the economy, electricity sales is hence expected to increase by over 12.0 per cent in 1994. Beyond this, current projections envisage electricity sales to double by the end of the decade, with growth averaging at 10.2 per cent per annum.

Maximum demand on the National Grid is expected to increase to 5,600 MW in 1994, an addition of 629 MW to the present maximum demand of 4,971 MW. By the end of the decade, the maximum demand is projected to exceed 9,500 MW, implying an average increase of approximately 650 MW annually over the period.

The rapid surge in demand provides many incentives for the Company to investigate cost-effective Demand Side Management (DSM) options. DSM will encourage more efficient utilisation of electricity and improved utilisation of capital-intensive generating plants, resulting in cost-savings to both Customers and the Company.

The Company will continue to pursue least-cost and fuel diversification policies in planning for future generating plants with emphasis on utilisation of available natural gas. In line with our four-fuel strategy, fuel oil dependence in the generation mix will be reduced through greater utilisation of natural gas, coal and hydro for electricity generation.

As a result of TNB's committed planting-up programme, the current integrated system capacity of installation of 5,909 MW (as at 31 August, 1993) will increase to 9552 MW by the end of 1997. This will involve the installation of 655 MW of hydro plants and 3088 MW of thermal plants. This however, does not include generation capacity plant-ups by the Independent Power Producers (IPPs).

The National Grid will be further strengthened with the implementation of the 500 kV North-South transmission backbone. The first phase, comprising the Port Klang-Rawang-Lumut-Gurun sector and the Pasir Gudang-Yong Peng sector will be commissioned before the year 2000.

The Electricity Generating Authority of Thailand (EGAT) and TNB have jointly decided to implement the second stage of the trans-country electric power interconnection by 1997 utilising High Voltage Direct Current (HVDC) transmission technology, the first of its kind in ASEAN.

Comprehensive review studies are also being undertaken by TNB and the Sarawak Electricity Supply Corporation (SESCO) to realise the first phase of the Sarawak-Peninsular Malaysia HVDC interconnection project (1,000 MW) by the year 2005. This constitutes part of the continuing effort towards the establishment of an ASEAN Power Grid.

Even more critical to our future, TNB through its communications consultant, recently completed an External Research. The findings revealed that more than anything else, Malaysians judged a company's reputation most by its quality of customer service. Therefore, Customer Service will be our top priority as we forge ahead through our privatised transition to be the leading Malaysian company.

Our plans are plenty. A majority of our Employees will, in stages, undergo training in Thoroughbred Quality. With this in hand, every Employee will, by the end of our transition phase, have an excellent working knowledge of the process of continuous quality improvement and we are committed to giving each, the opportunity to put that knowledge to work - to make a direct contribution to improving TNB's priority - Customer Service.





"Reflecting the optimism for continued expansion of the economy, electricity sales is hence expected to increase by over 12.0 per cent in 1994"



## PERFORMANCE BEYOND THE RINGGIT

### **Community Relations**

An External Research carried out recently revealed that Malaysians placed education as a number one priority they would like to see in corporate philanthropy from industry giants. Therefore, training has been placed as an important agenda in our corporate citizenry duties. As the Sultan Ahmad Shah Training Institute (ILSAS) celebrates its 10th anniversary this year, the Company is upgrading the institute to cater for more training facilities.

During the financial year, the RM 40 million Tenaga Nasional Foundation was officially launched at ILSAS by the Minister of Finance, YB Dato' Seri Anwar Ibrahim on 6 July, 1993. The foundation is one of the community relations tasks set by TNB to assist the government in making Vision 2020 a reality in terms of a skilled workforce for the future.

The Tenaga Nasional Foundation seeks to provide scholarships for the needy and to reduce the burden of the poor. It also aims to cultivate and enhance the standard of education in the country. In addition, the funds would also be used to raise intellectual capital, quality of physical education and the welfare of the needy students.

The Tenaga Nasional Foundation is administered by a distinguished Board of Trustees comprising corporate leaders and educationists. I am honoured to have been entrusted with the duty of chairing the Board which comprise -

- i. Raja Tan Sri Zainal bin Raja Sulaiman
- ii. Dato' Megat Abdul Rahman bin Megat Ahmad
- iii. Dato Chan Keong Hon
- iv. Dato' Mahadev Shankar
- v. Royal Professor Ungku Aziz
- vi. Dato' Mohd Noordin bin Hassan
- vii. Nik Ahmad bin Haji Nik Hassan

In addition, TNB also sponsored RM 1.5 million in a number of sporting events, education, social welfare, culture and the arts, and the Young Entrepreneur Schemes for the benefit of the community.

### **Environment**

